

NORHANI KAMARUDIN
Universiti Sains
Malaysia

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PERBILANGAN DALAM ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN
DILIHAT DARI SEGI BENTUK DAN BAHASA

OLEH

SETE RAMLAH BTE LAZIS

LATIHAN ILMIAH

UNTUK MEMENUHI

SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT PENGANUGERAHAN
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA DENGAN KERUJIAN

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PULAU PINANG

SIDANG AKADEMIK 1985/86

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasihani.

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dan berkat ilmu yang dianugerahkanNya, Latihan Ilmiah ini dapat diselesaikan pada waktunya.

Saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Datuk Sutan Bendahara Md. Sharif Bin Fakih Hassan dan Abu Hassan Bin Ahmad yang merupakan informan saya. Kerjasama yang diberikan oleh mereka banyak membantu saya menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Ucapan terima kasih serta setinggi penghargaan juga dirakamkan kepada Puan Noriah Taslim selaku penyelia utama Latihan Ilmiah ini, yang banyak memberi petunjuk dan bimbingan dalam membuat Latihan Ilmiah ini pada awalnya. Juga terima kasih serta setinggi penghargaan juga dirakamkan kepada Encik Supardy Muradi yang telah sudi membimbing dan menyemak Latihan Ilmiah ini sehingga sempurna.

Saya mengucapkan penghargaan yang tinggi kepada orang tua saya dengan berkat dan bantuannya saya berjaya menyelesaikan Latihan Ilmiah ini.

Akhir sekali saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada kawan-kawan dan orang-orang yang membantu yang memberi dorongan

dan nasihat.

Sesungguhnya pertolongan dan budi baik semua yang berkenaan, saya tidak berupaya membalasnya, kepada Allah jua saya serahkan.

Sebagai seorang insan biasa, sudah tentu saya tidak sunyi dari melakukan kesalahan, sekiranya terdapat sebarang kesalahan di dalam Latihan Ilmiah ini maaf juga saya pinta.

SINOPSIS.

Tujuan penulisan Latihan Ilmiah ini ialah untuk mengkaji sebuah hasil puisi tradisional yang masih mendapat tempat di Negeri Sembilan dengan pengkhususan kepada bentuk dan bahasanya. Untuk itu kajian akan melibatkan pengumpulan bahan-bahan dan disusuli kemudiannya satu analisis mengenainya. Walau bagaimanapun, aspek-aspek lain mengenai perbilangan ini juga akan disentuh secara ringkasnya. Latihan Ilmiah ini dibahagikan kepada beberapa bab seperti,

Bab 1

Pengertian perbilangan yang merupakan salah satu dari puisi tradisional Melayu. Menyentuh serba ringkas mengenai sejarah Adat Perpatih, juga bagaimana kajian dibuat dan pentingnya mengkaji perbilangan ini.

Bab 2

Melihat tema perbilangan ini. Dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu sistem politik, ekonomi dan sosial. Dari segi politik, perbilangan menunjukkan corak pentadbiran yang dijalankan di dalam masyarakat Adat Perpatih serta konsep dan kuasa seorang pemimpin. Sistem ekonominya pula adalah berasaskan kepada pertanian di samping menggalakkan masyarakatnya keluar merantau. Manakala dari segi sosial pula menyentuh mengenai aturan hidup bermasyarakat di samping hal-hal yang bersabit dengan adat-istiadat yang banyak diamalkan di dalam masyarakat Adat Perpatih.

Bab 3.

Adalah bahagian yang paling penting sekali di dalam analisis ini. Menganalisis bentuk perbilangan adalah begitu menarik kerana sebagai salah satu daripada puisi tradisional Melayu yang tidak terikat kepada bentuk-bentuk konvensional. Bentuknya adalah tersendiri di samping terdapat lain-lain bentuk puisi seperti pantun, talibun, syair, bidalan, perumpamaan dan seloka.

Bab 4.

Bahagian ini juga penting kerana unsur-unsur bahasa yang digunakan akan dikaji secara terperinci. Perbilangan adalah puisi tradisional Melayu yang kaya dengan falsafah dan unsur-unsur pengajaran, dengan itu pemilihan kata-kata adalah paling penting. Unsur-unsur bahasa yang lain seperti perlambangan, gaya bunyi, perulangan, pembalikan, antonim, frasa kodi dan bahasa berirama juga terdapat di dalam perbilangan yang dipilih. Unsur-unsur bahasa yang digunakan adalah perlu dilihat kerana perbilangan merupakan puisi tradisional yang amat tinggi nilainya dan amat berguna untuk dijadikan pedoman, nasihat dan pengajaran.

Bab 5.

Kesimpulan mengenai perbilangan ini. Bentuk dan bahasa yang menarik di dalam perbilangan ini tidak ditelan zaman sebaliknya proses kesinambungannya terus berlaku hingga ke hari ini. Ini terbukti dengan adanya penterapan nilai-nilai dan gaya perbilangan di dalam puisi-puisi mutakhir.

<u>Perkara</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Halaman.</u>
Halaman Judul		i
Penghargaan		iii-iv
Sinopsis		v -vi
Kandungan		vii-ix
Senarai Lampiran		x
Bab 1 : Perbilangan Dalam Adat Perpatih Di Negeri Sembilan.		1 -24
1.0 : Pengenalan		1
1.1 : Pengertian Perbilangan dan Adat Perpatih		2 -4
1.2 : Sejarah Adat Perpatih		4 -14
1.3 : Bagaimana kajian dibuat		14 -17
1.4 : Pentingnya Mengkaji Perbilangan Adat		17 -24
1.5 : Kesimpulan		24
Bab 2 : Perbilangan Dilihat Dari Segi Temanya		25 -59
2.0 : Pengenalan		25
2.1 : Aspek Politik		25 -33
2.2 : Aspek Ekonomi		33 -40
2.3 : Aspek Sosial		40 -58
2.3.1 : Susunan Masyarakat		40 -49
2.3.2 : Aspek Adat-Istiadat		49 -58
2.3.2.1 : Pertunangan		50
2.3.2.2 : Perkahwinan		51 -52
2.3.2.3 : Perceraian		52 -53
2.3.2.4 : Berkedim		53 -55
2.3.2.5 : Jenayah		55 -58
2.4 : Kesimpulan		58 -59

<u>Perkara</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Halaman</u>
Bab 3 : Perbilangan Dilihat Dari Segi Bentuk		60 -84
3.0 : Pengenalan		60 -61
3.1 : Bentuk Perbilangan Secara Umum		61 -65
3.2 : Perbilangan Yang Mengikut Bentuk Pantun		65 -69
3.3 : Perbilangan Yang Mengikut Bentuk Talibun		69 -70
3.4 : Perbilangan Yang Mengikut Bentuk Syair		70 -71
3.5 : Perbilangan Yang Mengikut Bentuk Gurindam		71
3.6 : Perbilangan Yang Mengikut Bentuk Peribahasa		72 -73
3.7 : Caesure atau Jeda		73 -75
3.8 : Analisa Perbilangan Mengikut Tema		75 -79
3.9 : Perseimbangan Di-Dalam Bentuk		80 -83
3.10: Kesimpulan		83 -84
Bab 4 : Perbilangan Dilihat Dari Segi Bahasa		85 -130
4.0 : Pengenalan		85 -88
4.1 : Pemilihan Kata atau Diksi		88 -100
4.2 : Perlambangan		100-110
4.3 : Gaya Bunyi		110-114
4.3.1 : Aliterasi dan Asonansi		110-113
4.3.2 : Intonasi		113-114
4.4 : Perulangan		115-123
4.5 : Unsur-Unsur Bahasa Yang Lain		123-128
4.5.1 : Inversi atau Pembalikan		123-124
4.5.2 : Antonim		124-125
4.5.3 : Frasa Kodi		125-126
4.5.4 : Dialek		126-127
4.5.5 : Bahasa Berirama		127-128
4.6 : Kesimpulan		128-130

<u>Perkara</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Halaman</u>
Bab 5 : Kesimpulan		131-141
Lampiran		142-163
Glosari		164-166
Bibliografi		167-174

Senarai Lampiran.

<u>Perkara</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Halaman</u>
1)	Peta Sumatera dan Malaysia Barat Memperlihatkan Daerah-Daerah Adat Perpatih	141a
2)	Peta Malaysia Barat Memperlihatkan Daerah Adat Perpatih di Negeri Sembilan dan Melaka.	142
3)	Peta Daerah-Daerah Adat Di Negeri Sembilan	143
4)	Kriteria Pemilihan Informan	144
5)	Soalan-Soalan Yang Dikemukakan Kepada Informan	145-147
6)	Biodata Informan	148-149
7)	Senarai Perbilangan Mengikut Tema.	150-163

Bab 2 : Perbilangan Dilihat Dari Segi Temanya.

2.0 Pengenalan.

Dalam menganalisis tema, kajian ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu dari segi politik, ekonomi dan sosial. Sepintas lalu tema adalah perkara utama yang hendak disampaikan oleh seseorang pengarang di dalam sesebuah karya kesusastraan. Idea yang hendak disampaikan itu bukan sahaja diolah secara langsung tetapi adakalanya secara tidak langsung, bertepatanlah apa yang dikatakan oleh petikan ini,

Tema adalah persoalan pokok atau persoalan utama sesebuah karya. Tema boleh juga ditafsirkan sebagai idea pusat atau idea dasar sesebuah karya. Karya-karya yang kaya dengan unsur moral, tema ialah mesej utama yang hendak disampaikan untuk menjadi pegangan atau tauladan hidup pembaca (Rahman Shaari 1981, 63).

2.1 Aspek Politik.

Apabila dianalisis perbilangan-perbilangan yang terdapat di dalam bidang politik adalah jelas yang temanya memperlihatkan tentang betapa perlunya keadilan dalam pentadbiran di dalam masyarakat Adat Perpatih. Pemimpin yang berkuasa perlulah menyedari tanggungjawab mereka supaya membawa keharmonian hidup kepada masyarakatnya. "Cara pemerintahan Adat Perpatih adalah demokrasi" ¹⁵(Abdullah Siddik 1975, 110). Ini jelas

¹⁵Demokrasi ialah bahawa kuasa memerintah dan perjalanan pemerintah sesebuah negeri adalah dipegang dan dikendalikan sendiri oleh para penduduk atau rakyat (Abdul Rahman Haji Mohammad 1964, 2)

dibuktikan dari perbilangan berikut,

1. 5/1

Raja menobat di dalam alam
Penghulu menobat di dalam luak
Lembaga menobat di dalam lingkungannya
Buapak menobat pada anak buahnya
Orang banyak menobat di dalam terataknya (Informan 1).

10: 5/3

Perbilangan di atas menjelaskan yang pentadbiran adalah terletak di tangan Mamak, kemudian ketua perut yang dipanggil Buapak, diikuti pula oleh ketua suku yang dipanggil Lembaga. Kemudian ketua luak yang dipanggil Undang dan akhir sekali pentadbiran adalah dipegang oleh seorang ketua negeri yang dipanggil Yang Dipertuan Besar atau Yamtuan.

Dalam pentadbiran bercorak demikian, Buapak adalah dipilih dan dilantik oleh Mamak, Lembaga pula dipilih dan dilantik oleh Buapak, Undang/dipilih dan dilantik oleh Lembaga dan Yamtuan pula adalah dari keluarga diraja yang dipilih dan dilantik oleh Undang. Seorang pentadbir di dalam sesuatu masyarakat itu adalah dilantik secara musyawarah dan muafakat seperti dipertegasakan oleh perbilangan berikut,

Bulat air dek pemetung
Bulat kata dek muafakat
Bulat anak buah menjadikan Buapak
Bulat Buapak menjadikan Lembaga
Bulat Lembaga menjadikan Undang
Bulat Undang menjadikan Raja (Informan 1).

2. 6/1

11: 6/3

2/6/1

Pendik kata, setiap sesuatu yang hendak dilakukan perlulah dirundingkan dahulu dan dimuafatkan bersama dengan ketua tiap-tiap suku dan kebulatan katalah yang memberi kata akhir. Dengan kata lain, Buapak, Lembaga, Undang dan Raja merupakan wakil-wakil yang diberi kuasa dan dilantik oleh rakyat. Cara

pemerintahan yang sedemikian, nyatalah Adat Perpatih mengamalkan sistem demokrasi yang kedaulatannya adalah terletak di tangan rakyat. Jelaslah pentadbiran mirip demokrasi ini mementingkan keadilan. Bukan sahaja wakil-wakil itu yang dilantik oleh rakyat tetapi rakyat juga ada kuasa memecatnya atas dasar-dasar yang sah menurut Adat Perpatih.

Masyarakat Adat Perpatih amat mementingkan keadilan. Kalau seseorang itu berkuasa sekali pun atau mempunyai kelebihan-kelebihan tertentu, dia tidak dibenarkan menganiaya orang lain. Hal ini termaktub pada perbilangan berikut, (X)

(14) 3. 2/1

Kalau gedang jangan melanda
Kalau cerdik jangan menipu (Nordin Selat, Berita Harian,
3 April 1985).

(13)-(3)

12: 2/2 2/2/1

Masyarakat yang mementingkan keadilan adalah sangat bergantung kepada muafakat di dalam menjalankan segala tindakan, hal ini diperjelaskan oleh perbilangan berikut,

(15) 4. 6/2

Faham sesuai benar seukur
Bulat segolek pipih selayang
Rundingan jangan selisih
Muafakat jangan bercanggah
Tuah pada sekata
Benar pada seiya (Hasyim A. Ghani, Seminar 1974).

✓(14)-(4)

13: 6/4 3/6/2

Setiap keputusan yang diambil itu adalah keputusan bersama yang tidak boleh diganggu gugat lagi. Inilah yang memberikan keadilan kepada masyarakat Adat Perpatih itu. Setiap orang bebas menyuarakan pendapat dan buah fikiran masing-masing demi kebaikan bersama. Setiap orang mempunyai persamaan taraf dan hak seperti diperjelaskan pada perbilangan berikut,

(16) 5. 2/2 Duduk sama rendah
Berdiri sama tinggi (Informan 1).
✓(15-5)

14: 2/3

Demi mencapai keadilan di dalam masyarakatnya, maka semua anggota di dalam masyarakat Adat Perpatih mestilah ada sikap mengutamakan kepentingan bersama, hal ini diperjelaskan oleh perbilangan berikut,

Adat bersaudara, saudara dipertahankan,
Adat berkampung, kampung dipertahankan,
Adat bersuku, suku dipertahankan,
Adat bernegeri, negeri dipertahankan,
Adat berbangsa, bangsa dipertahankan,
Sandar menyandar,
Seperti aur dengan tebing (Abdul Rahman Haji Mohammad 1964, 49).
✓(16-6)

15: 7/1

(17) 6. 7/1 Masyarakat Adat Perpatih mengutamakan keadilan untuk mencapai keharmonian di dalam hidup bermasyarakatnya. Mereka menyedari kalau tidak adanya keadilan di dalam sistem pentadbiran kehidupan akan tergugat. Perhatikan betapa jelas mandat yang diberikan oleh baris-baris di dalam perbilangan ini,

Cincin bernama Genta Sori,
Sesuai sahaja pada kelingkeng,
Hilang percaya anak negeri,
Kalau kata dan kerja tiada seiring (Abdul Rahman Haji Mohammad 1964, 49-51).
Pautan

2 Tegasnya keadilan itu bukan sahaja termetri dengan kata-kata atau janji tetapi juga di dalam kerja atau tindakan dan pelaksanaannya.

Keadilan semasa menjalankan pentadbiran dan pemerintahan masyarakat akan hanya dapat dilaksanakan dengan adil dan saksama sekiranya semua peringkat masyarakat dapat menyuarakan

fikiran dan kehendak mereka secara bebas.

Daripada konsep keadilan ini juga maka timbul hirarki¹⁶ di dalam sistem pentadbiran di Negeri Sembilan. Walaupun kekuasaan itu bertingkat-tingkat namun pada hakikatnya ia adalah adil dan saksama, kerana semua pemimpin itu boleh dipecat jika dikehendaki oleh anak buah masing-masing. Penghulu boleh dipecat oleh Lembaga, Lembaga boleh dipecat oleh Buapak, Buapak boleh dipecat oleh anak buahnya.

Hirarki dan bidang kuasa pemimpin-pemimpin adalah amat penting di dalam masyarakat Adat Perpatih bagi mewujudkan keadilan di dalam masyarakat seperti diperjelaskan oleh perbilangan berikut, /

18
7.6/3
✓ 17-9
Luak berpenghulu
Rantau beraja
Suku bertua
Rumah berbuapak
Berjinjang naik
Bertangga turun (Informan 1).

16:6/5

Idea dari perbilangan di atas adalah jelas sekali. Tiap-tiap tempat ada pemimpinnya. Tempat yang besar, besar kuasa pemimpinnya, tempat yang kecil, kecil pula kuasa pemimpinnya. Tetapi semua adalah pemimpin yang tidak kurang pentingnya di dalam masyarakatnya. Pemimpin-pemimpin tersebut adalah penting bagi menjaga keadilan. Bagi menjaga atau menjamin keadilan pemimpin diberi kuasa untuk menyelesaikan kes-kes yang tertentu

¹⁶ Susunan pemerintahan (pertubuhan) dengan taraf yang bertingkat-tingkat (Dr. Teuku Iskandar 1984, 392).

sahaja. Buapak misalnya, boleh menyelesaikan kes-kes kecil seperti kata perbilangan berikut,

8.2/3 Luka conget pecah berdarah,
Luka ditutup kain baju (Nordin Selat 1982, 75).

17: 2/4

Paknanya Buapak hanya boleh menyelesaikan kes-kes yang melibatkan luka sahaja. Lembaga pula mempunyai kuasa menyelesaikan kes-kes yang berat sedikit seperti kata perbilangan berikut,

20 9:3/1 Membeda mata
Mematah tulang
Memutus urat (Informan 1). ✓ 19-20

?

Jadi Lembaga boleh menyelesaikan kes-kes yang merosakkan anggota badan. Undang pula mempunyai bidang kuasa yang tersendiri. Undang berperanan sebagai hakim adat. Namun demikian beliau boleh menggunakan budi bicaranya sendiri di dalam usaha meringan dan memaafkan pesalah seperti kata perbilangan berikut,

21 10:2/4 Sumbing boleh dititik,
Patah boleh digempal (Nordin Selat 1982, 67).

18: 2/5

Raja pula berfungsi sebagai penyelesai dan hakim yang tertinggi di dalam masalah adat. Tugasnya boleh dirujuk pada perbilangan adat ini,

22 11:5/2 Ada pun raja itu tiada mempunyai negeri,
dan tiada bercukai kharajat,
melainkan berkeadilan sahaja,
serta permakanan duit sesuku,
beras segantang, nyiur setali (Tajul Kelantan 1958, 85).

19: 5/4

Antara lain perbilangan di atas bermaksud bahawa raja tiada berkuasa pada masyarakat adat Negeri Sembilan, raja adalah sebagai pelindung kepada rakyatnya dan baginda juga bergantung hidup pada rakyatnya. Baginda berada di luar Adat Perpatih

supaya baginda dapat memelihara keadilan dengan lebih saksama.
Tegasnya baginda adalah sebagai lambang keadilan.

Di dalam pentadbiran Adat Perpatih, kedudukan pemimpin sangat penting. Beliau adalah pelindung dan pemberi keadilan kepada rakyatnya. Pemimpin diibaratkan sebagai pagar yang memberi keselamatan/anak buahnya. Tegasnya pemimpin dapat diumpamakan seperti perbilangan berikut,

22
20: 8/1
Air yang jernih,
Tempurung yang ceper,
Seperti pohon di tengah padang,
Uratnya tempat bersila,
Batangnya tempat bersandar,
Dahannya tempat bergantung,
Buahnya untuk dimakan,
✓ Daunnya untuk berlindung (Abdul Rahman Haji Mohammad 1964, 57).
(21) (41) (22) (10)

Seorang pemimpin itu harus sedar yang dia adalah dipilih oleh suara ramai. Dia dipilih oleh masyarakat yang terlibat. Beliau menjadi ketua dan pemimpin bersebabkan masyarakat mahukan sumbangannya, seperti kata perbilangan berikut,

24
13: 3/2
21: 3/1
Tumbuhnya ditanam
Tingginya dianjung
Besarnya diampu (Informan 1).
Beliau wujud sebagai pemimpin kerana dipilih oleh masyarakatnya. Dia mesti sedar dan ingat akan hakikat ini. Justeru itu beliau mestilah menjalankan kewajipan dan tanggungjawabnya berasaskan kepada kebenaran sepertimana yang ditegaskan oleh perbilangan berikut,

25
14: 8/2
22: 8/2
Berlukis berlembaga
Bertiru bertauladan
Berukur berjangka
Bertunggul berpemaranasan
Berbaris berbelas

Bersesap berjerami
Bercupak bergantung
✓ Berbungkal berneraca (Informan 1).

24-124

Setelah kebenaran dapat ditegakkan, seseorang pemimpin itu perlulah berlaku adil dan tidak merosakkan mana-mana pihak seperti kata perbilangan berikut,

15: 3/3 Ular dipalu biar mati
Kayu pemalu jangan patah
Tanah dipalu jangan lembang (Informan 1).

23: 3/2

24-124 28-15

Penyelesaian yang dicari mestilah memuaskan hati semua pihak yang terlibat. Janganlah seseorang pemimpin itu berlaku tidak adil seperti kata perbilangan ini,

27: 7/2 Ibarat limau masam sebelah,
Perahu karam sekerat,
Tiba dimata dipicingkan,
Tiba diperut dikempiskan,
Berbenar ke pangkal lengan,
Berteras ke umpu kaki,
✓ Bersaksi ke hujung tapak (Hasyim A. Ghani, Seminar 1974).

24: 7/2

25-15 26-16

Seseorang pemimpin itu bukan sahaja dikehendaki berlaku adil di dalam segala tindakannya tetapi dia mestilah mempunyai sifat-sifat yang terpuji, sempurna, cerdik, berakal, bijaksana dan patuh kepada tugas-tugas pentadbirannya. Semua kelengkapan ini bertujuan untuk mewujudkan keamanan di kalangan anak buahnya. Setiap pemimpin itu hendaklah bekerja untuk kepentingan orang ramai bukannya untuk faedah dirinya sendiri. Ini telah diperjelaskan oleh perbilangan ini,

17: 8/3 Kelok paku kacang belimbing
Tempurung lenggang-lenggangkan
Bawa menurun ke Saruaso
Tanam sirih di ureknyo
Anak dipangku kemanakan dibimbing

Pantun

25: 8/3

Orang kampung dipertenggangkan
Tenggang negeri jangan binaso
Tenggang serta jo adatnya (Abdul Samad Idris, Seminar 1974)

Di dalam usaha mentadbir dan menegakkan undang-undang, acapkali seseorang pemimpin itu tidak sunyi dari menerima umpat keji, cacian, kata nesta dan kadang-kadang maki hamun daripada anak buahnya. Jika hal ini yang dihadapi, seseorang pemimpin itu mestilah bersabar dan sentiasa rela menerima umpat dan kejian tersebut. Hal ini pernah disentuh oleh perbilangan yang berbunyi,

18: 4/1 Adat teluk timbunan kapal
Adat gunung timbunan kabut
Adat bukit timbunan angin
✓ Adat pemimpin tahan umpat (Abdul Samad Idris, Seminar 1984)

26: 4/5

~~26-16~~ (27) (17)

Jadi di dalam sistem berpolitik, Adat Perpatih sangat mementingkan keadilan pentadbirannya. Rakyat boleh bersuara mengikut saluran-saluran tertentu. Dalam sistem ini rakyat berhak melantik dan memecat pemimpin-pemimpin mereka. Pemimpin yang dilantik juga mestilah menjalankan pentadbiran dengan bijak, adil dan saksama untuk membawa masyarakat atau anak buah yang dipimpinnya ke arah sebuah kehidupan yang aman dan harmonis.

2.2 Aspek Ekonomi.

Adat Perpatih merangkumi segala aspek kehidupan termasuk juga bidang ekonomi. Ini dapat diteliti daripada perbilangan berikut,

27: 2/6

30 1: 2/1 Majlis di tepi air,
Merdeka di perut kenyang (Alwi Salim 1983, 95).

50 1 28 1
Bermaksud "orang dapat membersihkan diri dengan air. Orang juga dapat bersopan santun bila perutnya kenyang dan segala keperluan asasi untuk hidup diperolehi. Kalau manusia lapar, mereka akan mencuri, merompak dan bunuh-membunuh. Masyarakat dan negeri akan hancur" (Nordin Selat, Berita Harian 3 April 1985).

Ungkapan di atas menunjukkan bahawa kehidupan sesebuah masyarakat itu akan menjadi sempurna, bersopan santun dan harmoni sekiranya ahli-ahli masyarakat itu cukup keperluan asas mereka. Jadi jelaslah yang perbilangan di atas amat mementingkan kekukuhan ekonomi. Kepentingan ekonomi di dalam sistem hidup Adat Perpatih adalah berhubung rapat dengan maruah, seperti diperjelaskan pada perbilangan berikut,

31 2: 2/2 Kain pendinding miang,
Emas pendinding malu (Nordin Selat 1976, 17). 28: 2/7

21 28 2
Kain atau pakaian seseorang hanya dapat melindungi manusia daripada beberapa gangguan kecil seperti miang, panas dan sebagainya. Tetapi gangguan yang lebih besar, seperti kehilangan maruah, manusia memerlukan emas, iaitu wang dan harta yang cukup. Ini menggalakkan manusia supaya mencari harta kerana harta menentukan maruah dan taraf kedudukan seseorang di dalam masyarakat tersebut. Sesuatu bangsa itu akan dihormati sekiranya masyarakatnya mempunyai harta.

Bangsa yang miskin tidak akan dikenali. Untuk dikenali bangsa itu memerlukan kedudukan ekonomi yang kuat. Telitikan

perbilangan berikut,

32
3:2/3 Hilang rupa dek penyakit, 29: 2/8 ✓
Hilang bangsa dek tak beremas (Alwi Salim 1983, 95).

32-2
Sebagaimana rupa manusia menjadi buruk oleh penyakit, sesuatu bangsa akan hilang dan lenyap kerana kemiskinan. Nyatalah di dalam masyarakat Adat Perpatih, kedudukan ekonomi sangat penting sebagai asas hubungan baik antara manusia sebagai pemeliharaan maruah dan harga diri dan sebagai syarat mutlak untuk terus hidup.

Jelaslah perbilangan di atas menegaskan yang sesuatu bangsa itu akan lenyap jika tidak mempunyai sumber atau kedudukan ekonomi yang teguh.

Mengenai aktiviti ekonomi pula, Adat Perpatih lebih menumpukan kepada pertanian. Ini bersesuaian sekali dengan adat itu sendiri yang bermula daripada masyarakat tani di Minangkabau,

33
4:3/1 Sawah sejajar diagih berlopak 30: 3/3 ✓
Ladang berbidang diagih berompok
Tanah nan sebidang diagih bermilik (Abdul Samad Idris, Seminar, 1984, 30).

31-20-4
Perbilangan ini menerangkan mengenai aktiviti bertani seperti bersawah padi. Tanah pertanian tersebut adalah menjadi milik seseorang petani tertentu. Dalam Adat Perpatih tanah adalah penting dan menjadi sumber utama ekonomi masyarakat tani. Tanah kepunyaan atau milik seseorang itu cukup dengan dibuktikan pada usaha-usaha seseorang pada tanah tersebut. Bersabit dengan tanah, ungkapan di bawah begitu jelas maksudnya,

34
5: 3/2 Sebingkah tanah terbalik, 31: 3/4 ✓
Sehelai akar putus,
Sebatang kayu rebah (Nordin Selat 1976, 84).

Dari perbilangan-perbilangan di atas nyatalah yang tanah adalah menjadi sumber ekonomi yang penting bagi masyarakat Adat Perpatih. Tanah pusaka adat dipulangkan kepada waris perempuan di dalam suku itu sahaja. Kedudukan tentang tanah pusaka ini boleh ditinjau di dalam perbilangan yang disertakan ini.

6: 4/1 Terbit pusaka dari saka,
Si lelaki menyandang pusaka,
Si perempuan punya pusaka,
Orang semenda yang membela (A. Rahman Razak dan Sariah Meon, Seminar 1984, 4).

32: 4/6

Di dalam susunan masyarakat melalui sistem milik yang sesuai dengan prinsip keturunan nisab ibu, maka harta milik itu adalah terpulang kepada pihak perempuan tetapi tidak menghalang pihak lelaki menggunakannya. Menantu lelaki atau suami sentiasa diharapkan menjaga dan mengusahakannya. Susunan milik oleh pihak wanita ini mempunyai fungsi yang amat wajar. "Wanita dianggap sebagai saka atau inti keturunan; mereka melahirkan keturunan. Justeru itu amat perlu dipelihara dan mempunyai sumber rezeki yang tetap. Namun pihak lelaki mempunyai tenaga untuk memimpin dan menjaga"(Zainal Kling, Seminar 1984, 21).

Selain daripada harta pusaka yang ada, masyarakat Adat Perpatih amat menggalakkan pengumpulan harta dan mendorong masyarakatnya supaya menambah harta yang ada, seperti diperjelaskan pada perbilangan yang berikut,

7: 2/4 Menyibar nak lebar
Menyambung nak panjang (Mansor Haji Jamaluddin, Seminar 1974, 5).

33: 2/9

Kalau mengharapakan kepada tanah semata-mata tentulah ekonomi masyarakat ini tidak akan bertambah kerana tanah adalah terhad, manakala orang semakin bertambah. Oleh itu anak-anak muda lelaki mereka digalakkan keluar merantau bagi menambahkan pendapatan mereka. Galakan merantau ada tercatat di dalam perbilangan berikut,

(37) 8: 4/2 Keratau ladang ke hulu
Berbunga berbuah belum
Merantau bujang dahulu
Di kampung berguna belum (Informan 1).

Pautu

34: 4/7

Perbilangan ini menggalakkan orang-orang bujangnya¹⁷ keluar merantau mencari ilmu pengetahuan atau pengalaman yang akan berguna untuk masa depan,

(38) 9: 4/3 Tajam buah fikiran,
Oleh meniru meneladan,
Pengalaman hidup yang ditanggung,
Menjadi contoh pada yang ada (Nordin Selat, Berita Harian
3 April 1985).

35: 4/8

Pemergian anak muda ini diharapkan akan membawa keuntungan kepada masyarakat asal sekembalinya mereka nanti. Kalau tidak kaya harta pun, mereka akan kaya dengan pengalaman.

Generasi muda selalu diingatkan supaya berusaha mencari harta, untuk persediaan masa depan seperti dipertegasakan pada perbilangan berikut,

(39) 10: 6/1 Hari panas kok tak beftudung
Hari hujan kok tak berpayung
Hari gelap kok tak bersuluh
Jalan lenggang kok tak berkawan
Berhemat sebelum habis
Sedia payung sebelum hujan (Nordin Selat 1976, 11).

36: 6/6

¹⁷ Tidak beristeri (Teuku Iskandar 1984, 153).

Sistem ekonomi Adat Perpatih adalah satu sistem ekonomi yang mobile.¹⁸ Masyarakat tidak tertumpu kepada harta yang sudah ada semata-mata, tetapi lazimnya mereka digalakkan mencari harta dengan keluar merantau.

Ada juga yang keluar merantau disebabkan tidak puas hati di atas pembahagian harta pusaka. Oleh itu perantauan bagi mereka adalah bersebabkan rasa kecil hati atau merajuk. Ini diper-
(40) jelaskan oleh perbilangan berikut,

11: 2/5 Hati bengis melakukan,
Hati hiba membawa jauh (Nordin Selat 1976, 100).

37: 2/10

Pemuda-pemuda yang pergi merantau ini digalakkan mencari ibu angkat bagi ganti keluarga mereka yang jauh. Sistem ibu angkat adalah penting bagi menyelesaikan masalah sewaktu di perantauan. Perhatikan betapa sistem ini begitu perlu,

(4) Kalau jadi pergi ke pekan
Yu beli belanak pun beli
Ikan panjang beli dahulu
12: 6/2 Kalau jadi engkau berjalan
Ibu cari sanak¹⁹ pun cari
Induk semang cari dahulu (Informan 1).

Pautu

38: 6/7

Pemuda-pemuda yang pergi merantau ini walaupun telah mendapat keluarga angkat tetapi mereka mesti pulang. Kekayaan yang mereka dapati sewaktu merantau tidak boleh dihabiskan

¹⁸ Mudah dan selalu bertukar (Teuku Iskandar 1984, 767).

¹⁹ Bagi masyarakat Adat Perpatih Negeri Sembilan, mungkin Induk Semang ini berfungsi sebagai ganti keluarga di negeri orang. Tetapi tujuan asal Induk Semang di tempat asal (Minangkabau) ialah ekonomi (Nordin Selat 1976, 102).

diperantauan sebaliknya mesti dibawa pulang ke kampung. Hakikat ini terus diperlihatkan di dalam perbilangan adat berikut,

(42) 13: 4/4

Sekenyang-kenyang banting
Rumput dimamah jua
Sejauh-jauh melanting

Paut

39: 4/9

Jatuh ke tanah jua (Idris Haji Tain, Seminar 1974, 107).

Orang-orang muda yang telah pergi merantau dimestikan pulang supaya menambahkan harta yang ada ataupun kalau tiada harta, sumbangan mereka diperlukan seperti pengalaman yang mereka dapati semasa diperantauan dan mengerjakan tanah pusaka yang ada bagi menggantikan golongan tua yang tidak bermaya lagi. Dengan ini tanah pertanian tidak akan terbiar begitu sahaja.

Kesimpulannya.

Jelaslah yang perbilangan-perbilangan di atas dapat menggambarkan betapa masyarakat dalam Adat Perpatih mementingkan bidang ekonomi dalam penghidupan mereka. Masyarakat dalam Adat Perpatih adalah masyarakat yang menggalakkan anggotanya mencari harta, ini agak berbeza dengan masyarakat tempatan yang mementingkan ekonomi secukup hidup sahaja. Masyarakat Adat Perpatih yang asal usulnya dari Minangkabau telah bercampur-gaul dengan tempatan ternyata amat mementingkan konsep merantau untuk menambah harta mereka. Mereka tidak berpuashati dengan bertani sahaja atau setakat harta yang ada tetapi menggalakkan orang-orang muda mereka keluar untuk menambah harta di samping mencari pengalaman dan ilmu yang berguna untuk membawa perubahan kepada masyarakatnya. Jelaslah di sini yang masyarakat Adat

Perpatih adalah berpandangan jauh di dalam memajukan bidang kehidupan berekonomi mereka.

2.3 Aspek Sosial.

Adat Perpatih amat mementingkan hidup bermasyarakat, oleh itu telah banyak tercipta perbilangan mengenai sosial bagi tujuan memberi bimbingan atau petunjuk kepada masyarakatnya.

2.3.1 Susunan Masyarakat.

Tidak seperti masyarakat-masyarakat lain, masyarakat Adat Perpatih adalah terdiri daripada suku-suku,²⁰ seperti kata perbilangan berikut,

11. 7/1 Raja beralam
Penghulu berluak
Lembaga berlingkungan
Buapak beranakbuah
Anakbuah duduk bersuku-suku
Berapa sukunya?
Duabelas! (Haji Mokhtar Haji Md. Dom 1977, 4).

40 7/3 ✓

✓ 38-1

Jelas dari perbilangan di atas ada duabelas suku kesemuanya. Tidak ada seorang pun yang boleh memencil dan menyingkirkan dirinya daripada suku dan masyarakatnya, perbilangan di bawah dapat dijadikan asas bagi menguatkan kenyataan di atas,

²⁰ Disebabkan suku itu merupakan satu ikatan keluarga dengan semua anggota anak buahnya melalui pertalian darah antara yang seorang dengan yang seorang lagi, maka tentunya orang-orang yang sesuku itu menjalankan dan melazimkan hidup seperti yang dijalankan dan dilazimkan dalam kalangan orang-orang adik-beradik, anak-beranak (Abdul Rahman Haji Mohammad 1964, 33).

4

2: 4/1

Sejak bersuku, berkelapa,
Pandan tidak panjang lagi,
Sejak bersuku, berkepala,
Badan nan tidak senang lagi

Pamula

41: 4/10

(Abdul Rahman Haji Mohammad
1964, 34).

Sebagai individu, seseorang itu mempunyai tanggungjawab sendiri dalam sukunya sama ada sebagai individu atau pemimpin. Maknanya, seseorang individu itu tidak boleh mementingkan dirinya sendiri. Jika seseorang itu ditimpa kesusahan maka wajib bagi anak buah sukunya mengambil berat dan membantunya. Jika seseorang itu mendapat kesenangan, dia diharapkan dapat menyenangkan sukunya dengan memberi bantuan-bantuan moral dan harta. Diri seseorang itu adalah sebahagian daripada masyarakatnya dan hak masyarakat sukunya.

Ikatan kekeluargaan dan kesefahaman individu di dalam suku adalah sangat erat, mereka semua dianggap bersaudara di dalam sesuatu suku. Mereka yang hidup dalam suku ini dikatakan membawa masyarakat Adat Perpatih kepada susunan hidup yang tertib dan tenteram serta damai. Hal ini jelas terbukti pada perbilangan berikut,

45

3: 7/2

Duduk berpelarasan,
Dekat rumah, dekat kampung,
Boleh pinta meminta,
Sakit pening jenguk menjenguk,
Sejamban seperulangan,
Seperigi sepermandian,
Sehalaman sepermainan (Nordin Selat 1976, 120).

39-2

42: 7/4

Perbilangan di atas amat menggalakkan persefahaman dan kerjasama di antara jiran dan juga penduduk sekampung. Apabila hidup telah tenteram tentulah keamanan akan dapat dicapai. Bukan sahaja masyarakat digalakkan untuk saling memahami

antara sesuku tetapi juga digalakkan untuk hormat-menghormati, segan-menyegani antara suku-suku yang bersemenda, yang berbesan-besan dan juga berjiran-jiran itu. Perasaan hormat-menghormati, segan-menyegani antara suku-suku ini merupakan ciri-ciri budi bahasa yang baik sekali. Keadaan ini pernah dituntut oleh perbilangan di bawah ini,

46
4: 7/3
Dalam alam rajanya
Dalam luak penghulunya
Dalam suku lembaganya
Berumpok masing-masing
Berhak seorang satu
Harta orang jangan ditarik
Untuk kita jangan diberikan (Abdul Rahman Haji Mohammad 1964, 43).

43: 7/5
40-2

Setiap individu mesti menghormati hak setiap anggota masyarakatnya, namun begitu masih terdapat batasan bagi setiap campur-tangan itu. Mereka tidak digalakkan campur-tangan di dalam hal-hal rumahtangga orang lain, seperti juga mereka tidak digalakkan membuka keburukan diri sendiri kepada orang lain. Tujuannya adalah supaya terhindar segala fitnah yang boleh membawa kepada pergaduhan dan perpecahan. Jelas sekarang antara fungsi perbilangan ini ialah untuk menggalakkan masyarakatnya menjaga atau menghormati setiap individu di dalam masyarakatnya.

Bagi Adat Perpatih, selain dari hidup bersuku-suku, wujud juga individu yang dipanggil orang semenda.²¹ Orang semenda ini

²¹ Ia akan dikenali sebagai orang semenda, dan orang-orang dari suku isterinya dikenali sebagai orang-orang tempat semenda. Orang semenda itu boleh disifatkan sebagai ipar atau menantu kepada orang-orang tempat semenda itu (Abdul Rahman Haji Mohammad 1964, 39).

juga adalah salah seorang dari ahli masyarakat yang perlu mengikut nilai-nilai hidup masyarakat setempat yang telah ditetapkan. Perhatikan betapa perbilangan berikut dapat menjelaskan kedudukan orang-orang bersemenda,

(42)
5: 19/1

Bila bersemenda di mana-mana suku
Sahlah kata adat
Air orang disauk
Ranting orang dipatah
Adat orang diturut
Di mana bumi dipijak
Di situ langit dijunjung
Masuk kandang kerbau menguak
Masuk kandang kambing mengebik
Bagaimana adat di tempat semenda
Dipakailah
Lain lubuk lain ikannya
Lain padang lain belalangnya
Alur sama diturut
Jalan sama ditempuh
Adat sama dipakai
Lembaga sama dituang
Meniru pada yang ada
Meneladan pada yang sudah (Nordin Selat 1976, 14).

44: 19/1

(41-4)

Amat ketara sekali perbilangan di atas yang mensyaratkan atau menggalakkan orang semendanya mematuhi aturan atau adat tempatnya menyemenda walaupun terdapat kelainan. Mereka mesti menyesuaikan diri dengan keadaan terutamanya untuk mengelakkan salah sangka yang boleh memecahkan hubungan baik antara ahli-ahli masyarakatnya.

Setiap golongan, mahupun orang semenda ataupun tempat semenda adalah mempunyai hak, tanggungjawab dan kekuasaan masing-masing. Mereka ini sentiasa bekerjasama dalam semua hal. Perbilangan berikut berkehendakan supaya penyemenda dan semenda itu saling bersatupadu dan muafakat di dalam semua hal,

Orang semenda, seredam,
Tempat semenda, seadat,
Buat seorang buat semua,
Berjalan serentak, melenggang seayun,
Lemah melapis, condong menumpang (Haji Mokhtar Haji Md.
Dom 1975, 30)

Walau bagaimanapun, setiap golongan ada batas-batas kekuasaan dan pantang larangnya sendiri yang semestinya tidak boleh engkari. Ini adalah untuk menjaga kepentingan bersama dan juga bagi mewujudkan kestabilan peraturan masyarakat tersebut.

Kehidupan masyarakat yang bertunjangkan suku-suku ini telah berupaya menjamin hubungan erat antara setiap individu. Adat Perpatih amat menggalakkan kehidupan yang harmoni di antara ahli masyarakatnya. Kehidupan corak ini menonjolkan ciri-ciri saling bergantung dan menolak cara hidup yang mementingkan diri sendiri. Setiap individu mempunyai taraf yang sama dan harus dimuliakan, semua orang sama rata dan sama hak. Perbilangan berikut amat cocok bagi menerangkan kenyataan di atas,

Tiada tukang yang membuang kayu
Yang bongkok ke bingkai bajak
Yang lurus ke tangkai sapu
Yang setampuk ke papan tuai
Yang kecil ke pasak suntung (Informan 1).

Setiap ahli masyarakat adalah penting di dalam kehidupan masyarakatnya. Tidak ada ahli yang tidak memberikan sumbangan demi mencapai hidup yang harmonis seperti yang dipertegaskan oleh perbilangan ini,

Tiada tukang yang membuang kayu

Setiap individu perlu memberi sumbangan mengikut kebolehan, kesanggupan masing-masing seperti yang bongkok ada gunanya,

yang lurus ada gunanya, jadi setiap ahli tidak boleh hidup bersendirian di dalam masyarakat, mereka sentiasa bergantung antara satu sama lain.

Setiap individu itu ada faedahnya kepada masyarakat. Mereka saling didampingi dan diperlukan, tidak seorang pun yang akan dilupakan walaupun mereka itu serba kekurangan atau cacat. Keharmonian ini diperjelaskan oleh baris-baris berikut,

8:6/1

Yang buta penghembus lesung
Yang pekak pelepas bedil
Yang lumpuh penghuni rumah
Yang kuat pembawa beban
Yang bingung disuruh-suruh
Yang cerdik lawan berunding (Nordin Selat 1976: 16).

47:6/8

44-7

Amat jelaslah yang perbilangan di atas begitu menghormati setiap individu masyarakatnya, tidak mengira kelebihan dan kekurangan masing-masing. Semua individu dianggap sebagai anggota masyarakatnya. Mereka percaya setiap individu yang dijadikan Allah itu ada gunanya di sisi mereka. Misalnya, yang buta tidak boleh dihinakan kerana orang butalah yang dapat menjalankan tugas penghembus lesung. Pekerjaan ini adalah tidak sesuai bagi orang-orang lain. Perkara utama yang hendak dijelaskan di sini ialah setiap individu ada peranan masing-masing. Sekiranya Perhimpunan Agong Bangsa-Bangsa Bersatu 'mendeklarasikan tahun 1981 sebagai Tahun Antarabangsa Orang-Orang Cacat, tetapi masyarakat Adat Perpatih telah lama menghormati dan menjadikan orang-orang cacat itu sebahagian daripada unit masyarakat yang tidak dilupakan. Sekali lagi perbilangan di atas dapat diuji kebenarannya.

Anggota-anggota masyarakat yang mempunyai keistimewaan dan kelebihan yang dikurniakan oleh Allah pula diperlukan memberi sumbangan kepada anggota-anggota yang kurang bernasib baik.

Kesepaduan hidup adalah tuntutan utama perbilangan ini,

9: 2/11 Kok alim hendakkan doanya

Kok kaya hendakkan emasnya (Informan 1).

48: 2/11
(45-8)

Perbilangan di atas jelas berkehendakan orang-orang yang berkelebihan memberi sumbangan kepada yang kurang bernasib baik, seperti yang alim diberikan tugas untuk memohon doa agar masyarakat mereka direstui Allah. Yang kaya pula digalakkan membantu yang miskin, bukan menggunakan kekayaannya untuk menindas yang lemah.

Dari perbilangan-perbilangan di atas, jelaslah yang masyarakat Adat Perpatih menegaskan yang hidup di dalam masyarakat adalah saling bergantung dan tidak ada individu yang boleh hidup dengan sendirinya. Bermaksud, antara satunya adalah pelengkap kepada yang lain. Kekurangan dan kelebihan yang diberikan oleh Allah itu ada guna dan faedahnya bagi mencapai hidup yang sempurna. Jadi jelaslah yang keharmonian hidup di dalam masyarakat akan tercapai sekiranya setiap individu saling memahami dan hormat-menghormati di antara satu sama lain.

Masyarakat Adat Perpatih adalah sebuah masyarakat yang menjamin hubungan erat antara ahli-ahlinya. Perhubungan ini diibaratkan oleh perbilangan ini seperti,

Seikat seperti sirih
Serumpun seperti serai
Seciap seperti ayam
Bedencing seperti besi

49: 6/9

(46-9)

Jalan sedundun
Selenggang se ayun (Informan 1).

Diperjelaskan di atas yang setiap individu yang hidup di dalam masyarakat adalah saling memerlukan. Anggota-anggota masyarakat tidak boleh hidup bersendirian. Hubungan di antara individu di dalam masyarakat perlu rapat, seperti sirih yang tersusun dan terikat rapi, amat halus dan cantik aturannya. Begitu juga seumpama serumpun serai, amat susah untuk dicabut sebatang. Perhubungan yang erat ini amat susah hendak direnggangkan atau dipisahkan oleh anasir-anasir yang ingin merosakkan. Setiap anggota masyarakat itu sentiasa bersatu di dalam semua hal, jika seorang daripada anggota masyarakat melakukan perbuatan sumbang, maka seluruh masyarakat akan mendapat malu. Begitulah betapa padunya hidup masyarakat Adat Perpatih ini. Bak sesusun bata, satu dicabut, satu bangunan akan runtuh.

Masyarakat Adat Perpatih adalah masyarakat yang bersatu padu. Bagi mencapai tujuan ini maka beberapa peraturan dan nilai-nilai hidup perlu dikekalkan, perbilangan di bawah amat jelas menggambarkan maksud ini,

52 : 7/4 Berat sama dipikul
Ringan sama dijinjing
Yang tidak ada sama dicari
Sama sakit sama senang
Ke bukit sama mendaki
Ke lurah sama menuruni
Sama menghayun sama melangkah (Informan 1)

50: 7/6

47-10

Perbilangan ini menggalakkan kerjasama dan semangat gotong-royong di kalangan ahli-ahli masyarakat. Kalau berat sama-samalah memikulnya, begitu juga kalau ringan pun perlu bersa-

ma juga menjinjitnya, tidak dibiarkan keseorangan. "Bersama" dalam waktu sakit dan juga waktu senang tidak sewaktu senang sahaja, tetapi waktu sakit dibiarkan menghadapinya bersendirian. Tegasnya dalam apa juga tindakan; sakit, senang, susah, suka dan sebagainya mestilah dihadapi bersama supaya kerja yang berat akan menjadi ringan dan yang senang bertambah senang.

Bukan sahaja dalam pekerjaan atau mencari untung digalakkan bersama tetapi dalam hal-hal maruah juga digalakkan bersama-sama. Perhatikan betapa tegasnya perbilangan ini,

12: 4/2 Malu tak boleh diagin
Suku tidak boleh dinyak
Melompat sama patah
Menyerudup sama bongkok (Nordin Selat 1976, 13).

51: 4/11

48-11

Kata-katanya tegas, sepadu dan menyarankan masyarakatnya berkongsi akal dan kemampuan bagi menghadapi hal-hal yang membabitkan maruah. Jika seorang anggota melakukan perbuatan sumbang, maka seluruh masyarakat akan mendapat malu. Begitulah betapa padunya hidup bermasyarakat di dalam Adat Perpatih ini.

Setiap tindakan anggota masyarakat perlu dilaksanakan secara berhati-hati dan perlukan penuh timbangan muafakat masyarakat, janganlah dilakukan atas kepentingan diri sendiri. Hal ini telah disentuh oleh perbilangan berikut,

13: 6/3 Yang elok di awak itu
Setuju di orang hendaknya
Sakit di awak sakit di orang
Lemak di awak lemak di orang
Dapat sama laba
Hilang sama rugi (Nordin Selat 1976, 12).

52: 6/10

49-12

Perbilangan ini menggalakkan ahli masyarakatnya supaya

sentiasa bertimbang rasa dan berhati-hati di dalam sebarang tindakan. Setiap kerja yang hendak dilakukan mesti difikirkan semasak-masaknya agar jangan sampai tersinggung perasaan ahli masyarakatnya. Satu kesilapan sudah cukup membuatkan masyarakatnya turut malu dan rosak.

Perhubungan yang erat di antara ahli-ahli di dalam masyarakat amatlah digalakkan. Telitikan betapa perbilangan di bawah dapat menjelaskannya dengan baik dan terperinci,

4: 4/3 Jika khabar baik diberitahu
 Jika khabar buruk serentak didatangi
 Jika jauh ingat mengingat
50-12 Jika dekat temu menemui (Nordin Selat 1976, 12).

53: 4/12 ✓

Perbilangan di atas menggalakkan masyarakatnya mengekalkan hubungan saliraturrahim sesama ahli. Digalakkan setiap individu menziarahi jiran tetangga atau ahli-ahli masyarakatnya, tidak kira semasa senang atau susah, jauh atau dekat. Hubungan yang erat perlu diwujudkan, dijaga dan dikekalkan.

Perbilangan-perbilangan di atas bertujuan menggalakkan masyarakatnya berkongsi fikir di dalam semua hal, terutamanya tentang maruah dan tindakan. Tujuannya adalah untuk mencapai dan menjamin perpaduan setiap anggota masyarakat Adat Perpatih.

2.3.2 Aspek Adat-Istiadat.

Dalam sistem Adat Perpatih, banyak perbilangan yang menerangkan tentang kehidupan seperti adat-istiadat di dalam upacara pertunangan, perkahwinan, perceraian dan berkedim. Bahagian

ini akan menyentuh dan membicarakan perbilangan-perbilangan yang ada hubungannya dengan adat-adat tersebut.

2.3.2.1 Pertunangan.

Bagi Adat Perpatih, pinang meminang adalah suatu kemestian seperti mana yang ditegaskan oleh perbilangan berikut,

(57) 15: 11/1 Cincin sebetuk menanya ibubapanya,
Cincin dua bentuk oso sekata,
Oso sekata, kata dibalikkan,
Tak oso sekata, cincin dibalikkan,
Oso sekata janji diikat,
Janji dibuat, dimuliakan,
Dalam janji digaduhkan,
Sampai janji ditepati,
1: 11/1 Helah si lelaki loncor tanda,
Helah si perempuan ganda tanda,
Sawan gila luar janji (Alwi Salim 1983, 98-99).

54: 11/1 ✓

(51-1)

Perbilangan di atas menerangkan tentang peraturan istiadat pertunangan. Pinang-meminang yang telah disepakatkan itulah yang disebut pertunangan, iaitu satu perjanjian yang mengikat untuk kahwin. Jika persetujuan pertunangan ini diputuskan oleh salah satu pihak, maka ia menimbulkan akibat hukum, iaitu jika pihak lelaki mungkir janji maka ia kehilangan tanda pertunangannya dan jika pihak perempuan yang mungkir janji, maka dia terpaksa mengembalikan tanda pertunangannya dua kali ganda.

Aturan-aturan ini perlu diikuti oleh setiap anggota masyarakat bagi menjamin kebahagiaan dan hubungan kekeluargaan bagi yang terlibat.

2.3.2.2 Perkahwinan.

Mengenai perkahwinan pula, Adat Perpatih telah banyak dipengaruhi oleh Hukum Syarak, terutama yang menyentuh hal-hal nikah dan talak. Perbilangan berikut begitu jelas menerangkan kedudukan dan ketegasannya bersabit dengan hal di atas,

16: 4/4

Di dalam nan dua kelarasan,
Adatlah jadi darah daging,
Syarak nan lazim keimanan,
Adat nan kawi nan membimbing (Alwi Salim 1983, 99).

55: 4/13 ✓

Adat Perpatih mengenakan peraturan tertentu di dalam sistem perkahwinan. Oleh kerana masyarakatnya bersuku, sistem perkahwinan adalah sistem eksogami.²² Ini dipertegas dalam perbilangan berikut,

17: 3/1

Pelesit dua sekampung
Sebatang enau dua sigai
Kapal dua nakhoda (Abdul Samad Idris, Seminar 1984, 14).

53-3

56: 3/5

Perbilangan ini menegaskan yang orang semenda itu bila sudah berkahwin dalam suku atau waris yang berkenaan, dia adalah dilarang berkahwin lagi dengan perempuan dari suku yang sama.

Sewaktu upacara perkahwinan, jemputan-jemputannya adalah tidak terhad- semuanya dipanggil- bermakna tidak ada pandang bulu di sini. Semua ahli suku atau suku-suku akan dijemput sama termasuk Datuk Lembaga mengikut kemampuan keluarga itu

²² Tidak dibolehkan seseorang itu kahwin dalam sukunya sendiri, ditetapkan dalam Adat Perpatih bahawa sistem perkahwinan adalah berbentuk kahwin semenda (Alwi Salim 1983, 99).

Dalam sistem ini orang diharuskan kahwin dengan orang di luar suku keluarganya (Surojo Wignjodipuro S.H. 1982, 132).

(60) seperti dipertegasakan oleh perbilangan berikut,

18: 2/2 Besar kayu besar bahannya
Kecil kayu kecil dahannya (Informan 1).

57: 2/12 ✓

(54-4)

Di dalam upacara perkahwinan, besar kecil sesuatu majlis tidak tetap. Sebaliknya mengikut keadaan dan keupayaan masing-masing, tiada peraturan ketat yang ditetapkan.

2.3.2.3 Perceraian.

Secara keseluruhannya perceraian adalah mengikut Hukum Syarak. Walau bagaimanapun terdapat kaitannya dengan suku dalam upacara-upacara tersendiri. Sebagai contoh, seorang suami yang bermaksud hendak menceraikan isterinya mestilah melalui satu timbangtara yang disebut dalam adat dengan istilah "bersuarang" (Alwi Salim 1983, 100). Syarat ini diperjelaskan oleh perbilangan berikut;

(61)

19: 3/3

Kok kusut diselesaikan.
Kok keruh dijernihkan dan
bersama-samalah mencari yang baik (informan 1).

(55-5)

58: 3/6 ✓

Amat jelaslah yang perbilangan di atas ini cuba mencari kebaikan bagi mengelakkan berlakunya perceraian. Perceraian dapat mengendurkan keharmonian, kesepaduan dan kepadatan masyarakat.

Kalau penyelesaian bagi mengelakkan sesuatu perceraian itu tidak ditemui maka harta dan hak yang terlibat akan dibahagi mengikut lunas-lunas adat. Perkara ini terjelas di dalam perbilangan berikut,

(62) 20: 6/4 Adat pertemuan dinikahi,
Habis pertemuan dicerai,
Carian, bahagi,
Dapatan, tinggal,
Pembawaan, kembali atau bersuarang beragih,
Berkutu belah (Alwi Salim 1983, 101).

59: 6/11 ✓

(56-6)

Masalah pembahagian hartalah yang sering menimbulkan kontroversi pada masyarakat luar yang takut hendak berkahwin dengan gadis-gadis Negeri Sembilan. Dengan petikan perbilangan di atas diharapkan orang-orang luar dapat memahami akan kedudukan dan hal sebenar tentang pembahagian ini.

Mengenai perceraian, Adat Perpatih memang tidak menggalakkannya tetapi kalau terjadi juga, maka pembahagian harta adalah adil dan akan memuaskan semua pihak yang terlibat. Kesamarataan ini bertujuan supaya suami isteri yang terlibat masih berkawan baik walaupun setelah bercerai-berai demi untuk kebaikan dan kepentingan anak-anak dan keluarga yang terlibat.

2.3.2.4 Berkedim.

Adat Perpatih adalah membenar dan membolehkan suami isteri mengambil anak angkat dari luar sukunya untuk dijadikan anak sendiri.

Apabila satu-satu kelamin itu hendak mengambil seorang anak angkat dari luar sukunya, maka kelamin itu terlebih dahulu mestilah mendapat persetujuan atau kebenaran dari suku si isterinya. Sesudah mendapat keizinan tersebut, maka Lembagaanya

pun berundinglah dengan Lembaga kepada suku yang rela memberikan anak buahnya untuk diberikan kepada kelamin berkenaan.

Setelah kedua pihak bersetuju, maka barulah anak angkat itu boleh diterima dan pengambilannya akan disahkan oleh suku yang menerimanya dengan menjalankan upacara atau istiadat. Upacara inilah yang dikatakan sebagai Berkedim. "Sebenarnya istilah 'kedim' atau 'kadim' ini bermakna 'saudara'. Maka oleh yang demikian, upacara 'mengedimkan budak' itu tiada lain daripada 'mengaku saudara' kepada anak angkat yang diambil itu. Iaitu anak angkat itu dipersaudarakan" (Abdul Rahman Haji Mohammad 1964, 46). Ini diperjelaskan dengan perbilangan berikut,

21: 4/5 Darah dicecah
Doa ditampung /
Sumpah dilabuh
Quran dijunjung (Nordin Selat 1976, 131).

57-4

60: 4/14

Perbilangan di atas menerangkan mengenai upacara berkedim ini dengan menggunakan darah dan bersumpah Quran. Upacara ini dijalankan supaya lain-lain di dalam suku itu tahu akan kedudukan anak angkat tersebut. Perbilangan berikut dapat menjelaskan lagi hubungan "kekeluargaan" ini,

22: 2/3 Ayam ditambat diberi makan
Orang ditarik diberi harta.

(X)

61: 2/13 ✓

58-8

Anak angkat ini akan dapat mewarisi harta nusaka dari emak angkatnya. Bermakna seseorang anak angkat itu tidak berhak lagi dalam suku asalnya dan putuslah pertaliannya dengan suku tersebut.

Untuk menjauhkan anak angkat tersebut berkahwin dengan orang dari suku asalnya, maka dia ditentukan kahwin atau bersemenda dalam suku yang lain.

Mengikut sejarahnya pada masa dahulu, perbuatan mengambil orang luar menjadi saudara sendiri itu merupakan satu perbuatan biasa sahaja, terutama diwaktu negeri baharu dibuka dan bilangan penduduknya masih belum ramai lagi. Untuk meramaikan bilangan anak negeri dan anak buah, maka suku-suku dalam luak-luak itu dahulu telah menggalakkan pendatang menetap dalam kampung atau dalam lingkungan suku mereka.

Apabila pendatang-pendatang ini telah mendapat tempat, mereka adalah sangat berguna untuk memberi kemakmuran kepada suku yang mengambil mereka. Semakin ramai anak buah, lebih banyaklah kerja-kerja yang dapat dilaksanakan. Tatkala negeri baharu diteroka dahulu, segala tenaga diperlukan untuk membuka paya, hutan rimba dan sebagainya untuk dijadikan tanah sawah, kampung halaman, dusun dan sebagainya.

Pada masa ini, keluarga yang tiada mempunyai anak tetapi mampu dari segi material, biasanya akan melakukan kedim ini.

2.3.2.5 Jenayah.

Masyarakat Adat Perpatih juga tidak sunyi dari melakukan jenayah. Ini diperjelaskan oleh perbilangan berikut,

65

62: 8/4

23: 8/1

Tikam bunuh
Upas racun
Samun sakar
Siar bakar
Maling curi
Umbuak salah
Gumbang salah
Dahaga dahagi (Nordin Selat 1976, 132).

59-6

Kesalahan-kesalahan di atas jika dapat dibuktikan, akan diselesaikan secepat mungkin melalui perbicaraan adat,

66

24: 6/5

Terkikik terkadik tertanda terbeti
Pulang pagi berbasah-basah, berjual bermurah-murah
Terlelah terkejar, lo kata orang banyak
Bertali boleh diheret, bertampuk boleh dijinjing
Bertunggul penebangan, bersasuk berjerami
Bertimbang ciak dak berjawab (Nordin Selat 1976, 135).

63: 6/12

Perbilangan di atas menjelaskan bukti-bukti yang boleh menuduh seseorang itu bersalah. Jika telah terbukti orang yang melakukan kesalahan, maka hukuman akan dikenakan. Mengikut Adat Perpatih, hukuman tidak didasarkan kepada pembalasan tetapi didasarkan kepada pemulihan. Ini didasarkan kepada perbilangan yang berikut,

67

25: 9/1

Hutang nan berturut,
Cagar nan bergadai,
Cincang pampas,
Bunuh beri balas,
Salah bertimbang,
Sah hutang dibayar,
Sah piutang diterima,
Seset di hujung jalan,
Balik ke pangkal jalan (Abdul Rahman Haji Mohammad 1964, 24-26).

64: 9/1

60-10

Jadi jelaslah yang perbilangan ini menegaskan tiada hukuman yang keras dijalankan, bahkan apabila seorang mangsa mati, tidak dihukum bunuh orang yang membunuh tetapi diusahakan penggantian si mati dengan memaksa suku yang membunuhnya

supaya menyuruh seorang dari kalangannya mengambil tempat orang yang mati itu, atau membayar ganti rugi.

Hukum jenayah dalam Adat Perpatih tidak ditentukan dan ditetapkan sebaliknya lebih mengutamakan budi bicara di dalam mengenakan hukuman atau penebusan kesalahan. Hukuman adalah terletak kepada ketua adat seperti yang ditegaskan oleh perbilangan berikut,

68
: 4/6 Menyampak-nyampak jala ke hulu
Dapatlah anak badar belang
Apakah cupak dek penghulu
Ialah mempermainkan undang-undang (Nordin Selat 1976, 136).
65 4/15

Perbilangan di atas tidak bermaksud mempermainkan undang-undang yang sebenarnya tetapi sebaliknya mentafsir undang-undang dan hukuman itu dengan bijaksana, menyesuaikan dengan keadaan dan mengikut pertimbangan yang adil.

Kesalahan dan kuasa menentukan hukuman juga adalah terletak ditangan seseorang yang telah ditentukan seperti yang digambarkan oleh perbilangan ini,

69
3/3 Tali pengikat pada Lembaga
Keris penyalang pada Undang
Pedang pemancung pada keadilan (Informan 1).
66 3/7
64-11

Jadi jelaslah yang kesalahan jenayah hukumannya dijatuhkan atau ditentukan oleh orang-orang yang tertentu mengikut bidang kuasa masing-masing seperti yang tersirat di dalam perbilangan di atas.

Adat Perpatih amat mengambil berat tentang keamanan di dalam

lingkungan masyarakatnya bagi menjaga keharmonian,

Salah pagi menyembah petang

Salah petang menyembah pagi

Mamak salah menyembah malam

Kemanakan salah menyembah siang (Nordin Selat 1976, 139-140).

Perbilangan ini menegaskan tentang aturan atau perkara-perkara yang perlu dilakukan oleh seseorang yang melakukan kesalahan-kesalahan yang ringan supaya tidak terjadi permusuhan yang berpanjangan yang boleh membawa keretakan kepada masyarakat.

Di sini jelas sekali masyarakat Adat Perpatih amat mengambil berat mengenai sesuatu kesalahan yang dilakukan. Bukan bertujuan untuk membalas dendam tetapi adalah untuk memberi rasa puas hati atau keadilan kepada semua yang terlibat. Segala perselisihan mahu dielakkan supaya masyarakat tidak berpecah belah dan hidup di dalam keadaan harmoni dan bersatu padu.

2.4 Kesimpulan.

Daripada sudut sosial Adat Perpatih begitu terperinci, menyentuh semua aspek hidup seperti aturan hidup dalam masyarakat, adat-istiadat seperti pertunangan, perkahwinan, berkedim dan jenayah. Tujuannya adalah bagi melahirkan masyarakat yang saling memahami, hormat-menghormati, bekerjasama dan perpaduan masyarakat.

Masyarakat Adat Perpatih amat mementingkan kepada kerukunan hidup berkeluarga, bersuku-suku dan masyarakatnya. Mengikut

sejarahnya masyarakat Adat Perpatih adalah orang pendatang yang dapat diterima oleh penduduk tempatan dan akhirnya dapat mempengaruhi masyarakat tempatan akan adat yang mereka amalkan. Ini membuktikan yang Adat Perpatih adalah satu adat yang amat baik dan berkesan untuk diamalkan oleh semua bangsa zaman berzaman. Adat Perpatih ini boleh diubahsuaikan mengikut masa dan ketika serta suasana setempat.

Perbilangan-perbilangan dalam Adat Perpatih dapat memberikan peraturan yang lengkap untuk dijadikan panduan, bimbingan dan nasihat untuk hidup dalam masyarakat. Di samping itu perbilangan ini adalah sebagai alat atau peraturan-peraturan yang dapat mengawal tindakan dan perlakuan anggota-anggota masyarakat yang mana tidak terdapat di dalam lain-lain masyarakat. Dengan ini anggota masyarakatnya tidak akan melakukan sesuatu tindakan di luar batas-batas kesopanan yang boleh mengganggu ketenteraman anggota-anggota lain. Maka dengan ini akan wujudlah sebuah masyarakat yang aman damai, bersatu dan teguh.

Kriteria Pemilihan Informan.

Dalam latihan ilmiah ini, penulis telah memilih dua orang informan sahaja yang dikira begitu arif tentang perbilangan yang disampaikan secara lisan. Penulis memilih informan pertama sebab semasa lawatan ke rumah Undang Rembau, Datuk Haji Sharif yang bijak menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh ahli-ahli Persatuan Anak-Anak Negeri Sembilan (PEMANIS USM) mengenai hal-hal adat yang dikemukakan semasa majlis soal jawab di rumah kediaman Undang tersebut.

Datuk Haji Sharif juga telah dicadangkan oleh Cik Norzaiti Ujang salah seorang pegawai penyelidik mengenai kebudayaan yang bertugas di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Seremban, Negeri Sembilan semasa penulis pergi ke pejabat berkenaan. Datuk ini memang benar-benar arif mengenai adat ini kerana Datuk Undang Rembau selalu memanggil Datuk Haji Sharif di dalam upacara-upacara adat yang diadakan. Beliau juga memang terkenal dikalangan orang-orang yang mahu membuat rujukan mengenai adat ini.

Informan yang kedua pula adalah seorang yang terkenal mengenai adat ini di daerah Kuala Pilah. Kedua informan dipilih kerana kepakaran masing-masing.

Perbilangan dalam Adat Perpatih ini bukan semua orang yang tahu mengenainya. Di Negeri Sembilan hanya beberapa orang-orang tua yang terlibat dengan adat sahaja yang tahu mengenainya.

Soalan-Soalan Yang dikemukakan Kepada Informan.

Assalamualaikum Datuk.

Soalan.

Saya adalah seorang pelajar di Universiti Sains Malaysi, Pulau Pinang, seperti yang Datuk janjikan dahulu, saya ingin tahu dengan lebih mendalam lagi mengenai Adat Perpatih yang terdapat di Negeri Sembilan?

Jawapan.

Adat Perpatih ini diamalkan oleh masyarakat Melayu di Negeri Sembilan dan juga di bahagian Naning, Melaka. Mengikut sejarahnya Adat Perpatih ini berasal dari Minangkabau, Sumatera. Banyak aspek yang terdapat dalam Adat Perpatih ini, diantaranya ialah mengenai sejarah, adat-istiadat, perbilangan, falsafah, hukum adat dan hukum jenayah. Bahagian mana yang menarik minat untuk diceritakan.

Soalan.

Apakah dia perbilangan dalam Adat Perpatih? Di sini saya ingin mengkaji dengan lebih lanjut lagi mengenainya.

Jawapan.

Perbilangan di dalam Adat Perpatih seakan-akan perumpamaan, pepatah dan bidalan yang disebut macam orang membilang satu, satu.

Soalan.

Cuba Datuk sebut perbilangan-perbilangan yang Datuk tahu?

Jawapan.

Sila lihat mengenai senarai perbilangan mengikut tema di muka surat 150-163.

Soalan.

Saya ingin tahu mengenai maksud perbilangan-perbilangan yang telah Datuk kemukakan?

Jawapan.

Sebenarnya maksud perbilangan itu tidak susah untuk difahami. Kalau diteliti, akan diketahui maksudnya. Perbilangan itu adalah untuk memberi nasihat, bimbingan, menyentuh aspek pentadbiran, adat-istiadat dan sebagainya. Paling penting dalam perbilangan ini adalah falsafah yang terdapat di dalamnya. Kalau hendak diuraikan satu persatu adalah memakan masa yang agak panjang.

Secara ringkasnya bolehlah Datuk simpulkan yang perbilangan-perbilangan tersebut memperlihatkan mengenai pentadbiran dalam masyarakat Adat Perpatih, ada Buapak, Lembaga, Penghulu, Undang dan Raja. Pihak pentadbir mestilah adil dalam memerintah.

Menggalakkan orang mudanya pergi merantau untuk mencari harta dan ilmu.

Dalam masyarakat Adat Perpatih semua anggotanya dihormati dan ada peranannya masing-masing. Menggalakkan anggota masyarakat bekerjasama seperti bergotong-royong dan hidup bersatu padu.

Penutup.

Datuk, saya mengucapkan berbanyak terima kasih di atas kesudian Datuk meluangkan masa menerangkan mengenai Adat Perpatih dan perbilangan yang terdapat dalam Adat Perpatih. Budi dan jasa baik Datuk itu hanya Allah jua yang dapat membalasnya.

Peringatan.

Temubual ini telah dibuat dalam bentuk perbualan yang tidak formal.

Biodata Informan.

Informan 1

Nama: Tuan Haji Sharif bin Fakh Hassan.

Nama Gelaran: Datuk Sutan Bendahara.

Tarikh Lahir: 2 Mac 1925.

Tempat Lahir: Rembau, Negeri Sembilan.

Pendidikan: Bersekolah rendah dan memasuki Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim pada tahun 1936. Selepas itu meneruskan pelajaran di Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur.

Pekerjaan: Menjadi guru, mengajar di Rembau dan di Seremban, Negeri Sembilan.

Kegiatan: Dilantik menjadi Datuk Lembaga oleh Undang Rembau pada tahun 1974 sehingga sekarang.

Tulisan: "Sejarah Kedatangan Adat Perpatih di Negeri Sembilan dan kaitannya di Minangkabau" dibentangkan dalam seminar adat anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan pada tahun 1974.

Lain-lain: Orang yang paling akrab dengan Undang Rembau sebab mahir di dalam Adat Perpatih.

Informan 2

Nama: Abu Hasan bin Ahmad.

Tarikh Lahir: Tahun 1915.

Tempat Lahir: Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Pendidikan: Mendapat didikan awal di Sekolah Rendah Pelangai, Negeri Sembilan. Seterusnya melanjutkan pelajaran di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.

Pekerjaan: Menjadi guru di beberapa sekolah di Seremban dan di Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Kegiatan: Menjadi penasihat semasa pementasan Bongai yang dipentaskan secara besar-besaran di Kuala Pilah anjuran Majlis Belia Daerah Kuala Pilah. Beliau juga menjadi rujukan kepada orang-orang yang berminat untuk mengkaji Adat Perpatih. Aktif dalam sukan badminton dan menjadi wakil Negeri Sembilan.

Tulisan: Pernah menulis buku mengenai Adat Perpatih, dalam tahun 1960'an. (Beliau telah terlupa judulnya).

Lain-lain: Sepatutnya dapat menjadi Datuk Lembaga tetapi disebabkan sesuatu perebutan kuasa beliau telah tersingkir.

Senarai Perbilangan Mengikut Tema.

Aspek Politik.

- Raja menobat di dalam alam
Penghulu menobat di dalam luak
1 Lembaga menobat di dalam lingkungannya
Buapak menobat pada anak buahnya
Orang banyak menobat di dalam terataknya (Informan 1)

- Bulat air dek pemetung
Bulat kata dek muafakat
2 Bulat anak buah menjadikan Buapak
Bulat buapak menjadikan Lembaga
Bulat Lembaga menjadikan Undang
Bulat Undang menjadikan Raja (Informan 1).

- Luak berpenghulu
Rantau beraja
3 Suku bertua
Rumah berbuapak
Berjinjang naik
Bertangga turun (Informan 1).

- 4 Membuta mata
Mematah tulang
Memutus urat (informan 1).

- 5 Tumbuhnya ditanam
Tingginya dianjung
Besarnya diampu (Informan 1).

- Berlukis berlembaga
Bertiru bertauladan
6 Berukur berjangka
Bertunggul berpemarasan
Berbaris berbelas
Bercupak bergantung
Berbungkal berneraca (Informan 1).

7 Ular dipalu biar mati
Kayu pemalu jangan patah
Tanah dipalu jangan lembong (Informan 1).

3/3

8 Paham sesuai benar seukur
Sulat segolek pipih selayang
Rundingan jangan selisih
Muafakat jangan bercanggah
Tuah pada sekata
Benar pada seiya (Hasyim A. Ghani, Seminar, 1974).

m. 27

6/3

9 Ibarat limau masam sebelah,
Perahu karam sekerat,
Tiba di mata dipicingkan,
Tiba di perut dikempiskan,
Berbenar ke pangkal lengan,
Berteras ke umpu kaki,
Bersaksi ke hujung tapak (Hasyim A. Ghani, Seminar 1974).

m. 32

7/2

10 Adat bersaudara, saudara dipertahankan,
Adat berkampung, kampung dipertahankan,
Adat bersuku, suku dipertahankan,
Adat bernegeri, negeri dipertahankan,
Adat berbangsa, bangsa dipertahankan,
Sandar menyandar,
Seperti aur dengan tebing (Abdul Rahman Haji Mohammad 1964, 49).

m. 28

7/3

11 Cincin bernama Genta Sori,
Sesuai saja pada kelingkeng,
Hilang percaya anak negeri,
Kelau kata dan kerja tiada seiring (Abdul Rahman Haji
Mohammad 1964, 49-51).

m. 28

4/1

12 Air yang jernih,
Tempurung yang ceper,
Seperti pohon di tengah padang,
Uratnya tempat bersila,
Batangnya tempat bersandar,
Dahannya tempat bergantung,
Buahnya untuk dimakan,
Daunnya untuk berlindung (Abdul Rahman Haji Mohammad 1964, 57).

m. 31

8/1

13 Luka conget pecah berdarah,
Luka ditutup kain baju (Nordin Selat 1976, 75).

m. 30

4

2/1

- 14 Sumbing boleh dititik,
Patah boleh digempal (Nordin Selat 1976, 67).

m. 30

5 2/2

Kelok paku kacang belimbing
Tempurung lenggang-lenggangkan
Dawa nesurun ke sarungso
Tanam sirih di ureknyo

Patah Bolant
m. 32-23

3

- 15 Anak dipangku kemanakan dibimbing
Orang kampung dipertenggangkan
Tenggang negeri jangan binaso
Tenggang serta jo adatnya (Abdul Samad Idris, Seminar 1974).

Adat teluk timbunan kapal
Adat gunung timbunan kabut
Adat bukit timbunan angin

m. 33

4/2

4

- 16 Adat pemimpin tahan umpat (Abdul Samad Idris, Seminar 1974).

Ada pun raja itu tiada mempunyai negeri.

m. 30

5/2
6

- 17 dan tiada bercukai kharajat,
melainkan berkeadilan sahaja,
serta permakanaan duit sesuku,
beras segantang, nyiur setali (Tajul Kelantan 1958, 85).

Di atas Raja,

Di tengah Undang,

Di bawah Lembaga,

7/4

1

- 18 Raja berdaulat dalam alamnya,
Penghulu berdaulat dalam luaknya,
Lembaga bernobat dalam sukunya,
Buapak bernobat dalam anak buahnya, (A. Kadir Yusof, 1972, 38).

Suatu bernama kata pesaka,

Kedua bernama cupak asli,

Ketiga bernama cupak buatan,

Keempat bernama kata muafakat,

Kelima bernama kata dahulu, bertepati,

Keenam bernama kata kemudian, kata bercari. (Ibrahim Atin 1959, 9).

6/4

8

Ke laut mengikut alur,

Ke darat mengikut benar,

Jumpa benar jangan dielakkan. (Ibrahim Atin 1959, 10).

3/4

9

20

Cupak yang pepat,
Gantang yang pawai,
Bungkul yang betul,
Teraju yang baik,
Jika cupak sudahlah pepat,
Tiada boleh dipalang lagi (Ibrahim Atin 1959, 12).

6/5

Aspek Ekonomi.

- 22 Keratau ladang ke hulu
Berbunga berbuah belum
Merantau bujang dahulu
Di kampung berguna belum (Informan 1). *Pante m. 37* 8
- 23 Kalau jadi pergi ke pekan
Yu beli belanak pun beli
Ikan panjang beli dahulu
Kalau jadi engkau berjalan
Ibu cari sanak pun cari
Induk semang cari dahulu (Informan 1) *Pante m. 38* 9
- 24 Kain pendinding miang,
Emas pendinding malu (Nordin Selat 1976, 17). *m. 39* 11 2/1
- 25 Sebingkah tanah terbalik,
Sehelai akar putus, /
Sebatang kayu rebah (Nordin Selat 1976, 84). *m. 35* 12 3/1
- 26 Pinang yang gayu,
Nyiur yang saka,
Jirat yang panjang (Nordin Selat 1976, 84). *(X)* 13 3/2
- 27 Hari panas kok tak bertudung
Hari hujan kok tak berpayung
Hari gelap kok tak bersuluh
Jalan lenggang kok tak berkawan
Berhemat sebelum habis
Sedia payung sebelum hujan (Nordin Selat 1976, 11) *m. 37* 14 6/1
- 28 Hati bengis melakukan,
Hati hiba membawa jauh (Nordin Selat 1976, 100). *m. 38* 15 2/2
- 29 Tajam buah fikiran,
Gleh meniru meneladan,
Pengalaman hidup yang ditanggung,
Menjadi contoh pada yang ada (Nordin Selat, Berita Harian,
3 April 1985). *m. 39* 16 4/1

- 20 Majlis di tepi air, ^{no 34} 2/3 16
Merdesa di perut kenyang (Alwi Salim 1983, 95).
- 31 Hilang rupa dek penyakit, ^{no 35} 2/4 77
Hilang bangsa dek tak beremas (Alwi Salim 1983, 95).
- 32 Sawah sejajar diagih berlopak ^{no 35} 3/3 5
Ladang berbidang diagih berompok
Tanah nan sebidang diagih bermilik (Abdul Samad Idris, Seminar, 1984)
- 33 Terbit pusaka dari saka, ^{no 36} 4/2 6
Si lelaki menyandang pusaka,
Si perempuan punya pusaka,
Orang semenda yang membela (A. Rahman Razak dan Sariah Meon, Seminar, 1984)
- 34 Menyibar nak lebar ^{no 36} 2/5 7
Menyambung nak panjang (Mansor Haji Jamaluddin, Seminar, 1974)
- 35 Sekenyang-kenyang banting ^{no 39} 4/3 8
Rumput dimamah jua
Sejauh-jauh melanting
Jatuh ke tanah jua (Idris Haji Tain, Seminar, 1974).

Aspek Sosial.

- 36 Tiada tukang yang membuang kayu
Yang bongkok ke bingkai bajak
Yang lurus ke tangkai sapu
Yang setampuk ke papan tuai
Yang kecil ke pasak suntung (Informan 1).
m 44 10 5/1
- 37 Kok alim hendakkan doanya
Kok kaya hendakkan emasnya (Informan 1).
m. 46 11 2/1
- 38 Seikat seperti sirih
Serumpun seperti serai
Seciap seperti ayam
Sedencing seperti besi
Jalan sedundun
Selenggang seayun (Informan 1).
m. 46-7, 12 6/1
- 39 Berat sama dipikul /
Ringan sama dijinjing
Yang tidak ada sama dicari
Sama sakit sama senang
Ke bukit sama mendaki
Ke lurah sama menuruni
Sama menghayun sama melangkah (Informan 1).
m 47 13 7/1
- 40 Besar kayu besar bahannya
Kecil kayu kecil dahannya (Informan 1).
m 52 14 2/2
- 41 Kok kusut diselesaikan
Kok keruh dijernihkan dan
bersama-sama mencari yang baik (Informan 1).
m 52 15 3/1
- 42 Tali pengikat pada Lembaga
Keris penyalang pada Undang.
Bedang pemancung pada keadilan (Informan 1)
m 57 16 3/2

42 Raja beralam
Penghulu berluak
Lembaga berlingkungan
Buapak beranakbuah
Anak buah duduk bersuku-suku
Berapa sukunya?
Duabelas! (Haji Mokhtar Haji Md. Dom 1977, 4).

ms. 40

7/2

18

43 Orang semenda, seredam,
Tempat semenda, seadat,
Buat seorang buat semua,
Berjalan serentak, melenggang seayun,
Lemah melapis, condong menumpang (Haji Mokhtar Haji Md. Dom 1977, 30).

ms. 44

5/2

19

44 Duduk berpelarasan,
Dekat rumah, dekat kampung,
Boleh pinta meminta,
Sakit pening jenguk menjenguk,
Sejamban seperulangan,
Seperigi sepermandian,
Sehalaman sepermainan (Nordin Selat 1976, 120).

ms. 41

7/3

20

45 Bila bersemenda di mana-mana suku
Sahlah kata adat
Air orang disauk
Ranting orang dipatah
Adat orang diturut
Di mana bumi dipijak
Di situ langit dijunjung
Masuk kandang kerbau menguak
Masuk kandang kambing mengebik
Bagaimana adat di tempat semenda
Dipakailah
Lain lubuk lain ikannya
Lain padang lain belalangnya
Alur sama diturut
Jalan sama ditempuh
Adat sama dipakai
Lembaga sama dituang
Meniru pada yang ada
Meneladan pada yang sudah (Nordin Selat 1976, 14).

ms. 43

11/1

21

46 Darah dicecah
Doa ditampung
Sumpah dilabuh
Quran dijunjung (Nordin Selat 1976, 131).

ms. 54

4/1

22

47 Yang buta penghembus lesung
Yang pekak pelepas bedil
Yang lumpuh penghuni rumah
Yang kuat pembawa beban
Yang bingung disuruh-suruh
Yang cerdik lawan berunding (Nordin Selat 1976, 16).

m 45 23 4/2

48 Malu tak boleh diagih
Suku tidak boleh dinyak
Melompat sama patah
Menyerudup sama bongkok (Nordin Selat 1976, 13).

m. 46 24 4/2

49 Yang elok di awak itu
Setuju di orang hendaknya
Sakit di awak sakit di orang
Lemak di awak lemak di orang
Dapat sama laba
Hilang sama rugi (Nordin Selat 1976, 12).

m 48 25 6/3

50 Jika khabar baik diberitahu
Jika khabar buruk serentak didatangi
Jika jauh ingat mengingat
Jika dekat temu menemui (Nordin Selat 1976, 12).

m 49 26 4/3

51 Tikam bunuh
Upas racun
Samun sakar
Siar bakar
Maling curi
Umbuak salah
Sumbang salah
Dahaga dahagi (Nordin Selat 1976, 132).

m 56 27 8/1

52 Terkikik terkadik tertanda terbeti
Pulang pagi berbasah-basah, berjual bermurah-murah
Terlelah terkejar, lo kata orang banyak
Bertali boleh diheret, bertampuk boleh dijinjing
Bertunggul penebangan, bersasuk berjerami
Bertimbang ciak dak berjawab (Nordin Selat 1976, 135).

m 56 28 6/4

53 Menyampak-nyampak jala ke hulu
Dapatlah anak badar belang
Apakah cupak dek penghulu
Ialah mempermainkan undang-undang (Nordin Selat 1976, 136).

Pautu m. 57 29

34 Salah pagi menyembah petang
Salah petang menyembah pagi
Mamak salah menyembah malam
Kemanakan salah menyembah siang (Nordin Selat 1976, 139-140).

35 Sejak bersuku, berkelapa,
Pandan tidak panjang lagi,
Sejak bersuku, berkepala,
Badan nan tidak senang lagi (Abdul Rahman Haji Mohammad
1964, 34).

36 Dalam alam rajanya
Dalam luak penghulunya
Dalam suku lembaganya
Berumpok masing-masing
Berhak seorang satu
Harta orang jangan ditarik
Untuk kita jangan diberikan (Abdul Rahman Haji Mohammad
1964, 43).

37 Hutang nan berturut,
Jagar nan bergadai,
Cincang pampas,
Bunuh beri balas,
Salah bertimbang,
Sah hutang dibayar,
Jah piutang diterima,
Sesat di hujung jalan,
Balik ke pangkal jalan (Abdul Rahman Haji Mohammad 1964, 24-26).

38 Cincin sebetuk menanya ibubapanya,
Cincin dua bentuk oso sekata,
Oso sekata, kata dibalikkan,
Tak oso sekata, cincin dibalikkan,
Oso sekata janji diikat,
Janji dibuat, dimuliakan,
Dalam janji digaduhkan,
Sampai janji ditepati,
Elah si lelaki loncor tanda,
Elah si perempuan ganda tanda,
Sawan gila luar janji (Alwi Salim 1983, 98-99).

59 Di dalam nan dua kelarasan,
Adatlah jadi darah daging,
Syarak nan lazim keimanan,
Adat nan kawi nan membimbing (Alwi Salim 1983, 99).

60 Adat pertemuan dinikahi,
Habis pertemuan diceraai,
Carian, bahagi,
Dapatan tinggal,
Pembawaan, kembali atau bersuarang beragih,
Berkutu belah (Alwi Salim 1983, 101).

61 Pelesit dua sekampung
Sebatang enau dua sigai
Kapal dua nakhoda (Abdul Samad Idris, Seminar, 1984).

62 Merajuk pada yang kasih,
Manja pada yang sayang,
Meminta pada yang ada,
Berkaul pada yang keramat. (Tajul Kelantan 1958, 62).

63 Mengaji daripada alif,
Membilang daripada esa,
Sakit bermula mati bersebab,
Hujan berpokok, kata berpangkal. (Tajul Kelantan 1958, 62).

64 Gedang sama gedang,
kecil sama kecil,
ke lurah sama dituruni,
ke bukit sama didaki,
terjun sama basah,
melompat sama patah,
cicir sama rugi,
dapat sama laba (Tajul Kelantan 1958, 74).

65 Yang melurut bak sungai,
Yang berlopak bak sawah,
Yang berjalur bak jalan,
Yang bersudut bak sawah (Tajul Kelantan 1958, 74).

- 66 Kelelahan Nabi dengan mukjizat, $\times 7$ 4/9 41
Kelelahan ummat kerana muafakat,
Bulat air kerana pemetung,
Bulat manusia kerana muafakat (Tajul Kelantan 1958, 75).
- 67 Tatkala kecil bernama muafakat,
Tatkala besar bernama adat, $\times 6$ 42
Si raja adat kepada muafakat,
Air melurut dengan bendanya,
Benar melurut dengan muafakatnya,
Negeri Bertumbuh dengan adatnya, 9/2
Muafakat lalu di dalam gelap,
Adat lalu di tengah terang,
Hilang adat kerana muafakat (Tajul Kelantan 1958, 75).
- 68 Kunci anak kepada bapa, 7 4/10 43
Kunci isteri kepada laki,
Kunci luak kepada penghulu,
Kunci alam kepada raja (Tajul Kelantan 1958, 85).
- 69 Biar mati anak jangan mati adat (Ibrahim Atin 1959, 8). $\times 8$ 1/1 44
- 70 Hidup dikandung adat, $\times 9$ 2/3 45
Mati dikandung tanah (Ibrahim Atin 1959, 10).
- 71 Jika tinggal ketuaan boleh membatalkan, $\times 10$ 3/4 46
Jika tinggal waris boleh menungkat,
Jika tinggal si kadim, tiada boleh menjadi barang sebagaimana
(Ibrahim Atin 1959, 16).
- 72 Darah setitik, $\times 11$ 3/5 47
Daging seracik,
Bertali kepada bapa (Ibrahim Atin 1959, 18).
- 73 Hukum berdiri dengan saksi, $\times 12$ 48
Adat berdiri dengan tanda (Ibrahim Atin 1959, 25). 2/4

74 Laksana sirih serumpun,
Laksana nyiur setali,
Serangkap bak lembing,
Sebungkus bak nasi,
Sekucong bak tanah,
Berlopak bak sawah (Ibrahim Atin 1959, 19).

75 Topi pesok tegah dek lonjak,
Baju koyak tegah dek lenggang,
Seluar sunteh tegah dek langkah,
Terpijak benang arang hitam kaki (Ibrahim Atin 1959, 21).

76 Mengaji daripada alif,
Sakit bermula,
Mati bersebab,
Hujan berpokok,
Kata berpangkal (Ibrahim Atin 1959, 22).

77 Nyawa darah waris yang punya,
Rugi laba isteri yang punya (Ibrahim Atin 1959, 26).

78 Tak ikut kata orang tua-tua,
Tak patah tiek (Ibrahim Atin 1959, 27).

79 Risik yang berdesus,
Kilat yang memancar,
Duai yang merangkak,
Gamit yang berkecapi,
Kata yang menjawab (Ibrahim Atin 1959, 29).

80 Cincin diikat,
Janji dibuat,
Adat janji tujuh hari,
Jauh janji dua kali tujuh hari,
Madim janji dua hari menyelang ketiga (Ibrahim Atin 1959, 30).

81 Cakap siang pandang-pandang,
Cakap malam agak-agak,
Cakap dekat difikir-fikirkan. (Ibrahim Atin 1959, 48).

82 Nan kusut diselesaikan,
Nan keruh dijernihkan,
Ibarat benang,
Dibentang panjang,
Digulung pendek,
Sekarang marilah digulung,
Yang sudah hanyut dibawa air,
Ambil yang jernihnya (Ibrahim Atin 1959, 48).

83 Parit rentang,
Pagar tasak,
Pada tempat semenda,
Dapat elok sampaikan elok,
Dapat buruk sampaikan buruk,
Pagi melepaskan,
Petang merebankan. (Ibrahim Atin 1959, 37).

Glosari.

- Adat Lembaga - bagi penghulu-penghulu.
Berkemulah - berhukum Allah.
Berkedim - mengaku saudara.
Berabeh - habis.
Bergegauan - berjeritan.
Berjerami - bersawah.
Bersesap - membuka ladang.
Bersuarang - milik bersama.
Bertua - ada ketua.
Berpelarasan - berjajaran.
Berkutu - harta pembawaan.
Buapak - ketua perut.
Carian - harta carian bersama.
Ceper - leper.
Cida - cedera.
Conget - luka sedikit.
Dianggur - dicabut.
Datuk Lembaga - ketua bagi suku.
Diagih berompok - dibahagikan dengan ditentukan.
Dapatan - harta pusaka yang diwarisi.
Diampu - disokong.
Dipicingkan - dilelapkan.
Gadang - besar.
Gedang - besar.
Gentis - petik.
Lopak - petak.

Loncor - hilang.

Lonjak - lompat.

Lingkungan - kampung.

Luak - daerah.

Mamak - ahli-ahli yang laki-laki daripada pihak ibu (Perut).

Maling - mengambil harta orang waktu malam dengan mengelidah, memecah, memanjat atau menggunakan kunci palsu.

Matrilineal - keturunan seseorang itu disusurgalurkan mengikut sebelah ibu.

Melanda - melanggar.

Menobat - memerintah.

Merantau - meninggalkan kampung halaman untuk mencari nafkah hidup atau rezeki. Orang merantau itu akan kembali ke kampung asalnya setelah mendapat rezeki di tempat orang.

Menyibar - menambah, melebarkan.

Menyerudup - membongkok memasuki sesuatu kawasan.

Menyembah - tanda taubat dan minta ampun.

Nyiur - kelapa.

Orang semenda - ipar atau menantu.

Pemetung - saluran air.

Perut - satu organisasi sosial. (Anggota-anggota yang membentuk satu perut itu mempunyai hubungan kekeluargaan yang jelas dan mereka itu pula berasal dari satu nenek moyang yang sama.

Pesok - tembuk, bocor,

Pembawaan - harta pembawaan.

Penokok - perbandingan.

- Pusaka - bagi rakyat dalam negeri.
- Risik - menyasat.
- Sakar - kematian tatkala melakukan samun.
- Seracik - sehiris.
- Sunteh - terkoyak sedikit.
- Suku Biduanda - suku peribumi.
- Sumbing - pecah sedikit.
- Sumbang - sengaja berkelakuan tidak tertib atau tidak sopan di khalayak ramai.
- Siar - sengaja membakar harta orang tetapi tidak sampai musnah sekali.
- Teratak - rumah.
- Terlelah - mengah, penat.
- Tiek - tergeliat.
- Terbeli - apabila barang-barang kepunyaan seseorang itu didapati di tempat berlakunya jenayah.
- Upas - sengaja dan secara tipu memberi makan racun hingga merana tetapi tidak membawa maut.
- Ureknyo - uratnya.
- Umbuak - rasuah.
- Umbai - untuk faedah diri sendiri mengugut orang dengan kekerasan supaya melakukan sesuatu.
- Undang - merupakan puncak kepada struktur dan susunan ketua-ketua adat di peringkat kawasan.
- Waris - adat menyatakan perhubungan antara anggota-anggota yang sama suku.
- Dahaga - sengaja melawan ketua adat dalam menjalankan tugasnya yang wajar.

Bibliografi.

- 1) A.A. Navis, 1984. Alam Berkembang Jadi Guru: Adat dan Kebudayaan Minangkabau. Jakarta: PT Temprint.
- 2) Abas Haji Ali, 1953. Rembau Sejarah Perlembagaan Adat dan Istiadatnya. Pejabat Percetakan Johor.
- 3) Abdul Rahman Haji Mohammad, 1964. Dasar-Dasar Adat Perpatih. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- 4) Abdul Samad Idris, 1968. Negeri Sembilan dan Sejarahnya. Kuala Lumpur: Utusan Melayu Berhad.
- 5) Abdul Samad Idris, 1970. Hubungan Minangkabau dengan Negeri Sembilan: Dari Segi Sejarah dan Kebudayaan. Seremban: Pustaka Asas.
- 6) Abdul Karim Md. Shariff, 1967. Puisi Melayu. Malaysia: Longmans.
- 7) Abdullah Hassan, 1980. Linguistik Am Untuk Guru Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- 8) Abdullah Siddik, 1975. Pengantar Undang-Undang Adat Di Malaysia. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- 9) Abrams, M.H. 1981. A Glossary of Literary Terms. New York: Holt, Rinehart and Winston Inc.
- 10) Adnan S.A.M. dan Sofjan Muchtar, MA 1970. Kesusasteraan Indonesia Dalam Bentuk Dan Isi. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- 11) Ali Ahmad, 1971. Asas Menganalisa Sajak. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- 12) Ali Ahmad, 1974. Tema Sajak-Sajak Melayu 1933-1969. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 13) Ali Ahmad, 1976. Perintis Sajak-Sajak Melayu. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- 14) Alwi Salim, 1983. Puisi Melayu. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- 15) Annas Haji Ahmad, 1964. Sastera Melayu Lama. Pulau Pinang: Sinaran Bersaudara.
- 16) Annas Haji Ahmad, 1977. Sastera Melayu Lama dan Baru. Kuala Lumpur: International Book Service.
- 17) Ariffin Nur, 1957. Rangkaian Sastera Melayu. Pulau Pinang: Sinaran Bersaudara.

- 18) Azizah Kassim, 1985. Wanita dan Masyarakat. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn. Bhd.
- 19) Baharudin Zainal, 1974. Perempuan dan Bayang-Bayang. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 20) Busung Adil, 1981. Sejarah Negeri Sembilan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 21) C. Hooykaas, 1977. Perintis Sastra. Kuala Lumpur: Fajar Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- 22) Cuddon, J.A. 1977. A Dictionary of Literary Terms. London: Andre Deutsch.
- 23) Daftar Kajian Rumi Bahasa Malaysia. 1982. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 24) Dalam Getaran (Antologi Sajak Hadiah Sastra 1971). 1975. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 25) Darus Ahmad, 1958. Alam Puisi Melayu. Pulau Pinang: Sinaran Bersaudara.
- 26) Darus Ahmad, 1965. Kesusasteraan Klasik Melayu. Kelantan: Pustaka Aman Press.
- 27) Ghazali Dunia, 1969. Langgam Sastra Lama. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- 28) Harun Aminurrashid, 1966. Kajian Puisi Melayu. Singapura: Pustaka Melayu.
- 29) Ibrahim Atin, 1959. Perbilangan Adat. Singapura: Sinaran Bersaudara.
- 30) Ibrahim Saad, 1977. Kesusasteraan Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 31) Ismail Hamid, 1986. Sastra Rakyat. Petaling Jaya: Fajar Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- 32) Jamilah Ahmad, 1981. Kumpulan Esei Sastra Melayu Lama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 33) Kreuzer James R, 1955. Elements of Poetry. New York: The Macmillan Company.
- 34) Liaw York Pang, 1975. Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik. Singapura: Pustaka Nasional.
- 35) Maarof Saad, 1983. Bahasa Alam. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- 36) Mahmud Ahmad, 1967. Pancaran Sajak. Singapura: Pustaka Melayu.
- 37) Masuri S.N. 1965. Sekitar Sajak dan Perkembangannya 1951-1964. Singapura: Malaysia Publications Limited.
- 38) Masuri S.N. 1975. Awan Putih. Singapura: Pustaka Nasional.
- 39) Matlob, 1962. Gelombang Sastera. Singapura: Publishing House Limited.
- 40) M. Masroen, 1971. Dasar Falsafah Adat Minangkabau. Jakarta: Bulan Bintang.
- 41) M. Rasjid Manggis Dt. Radjo Panghoeloe, 1969. Negeri Sembilan Hubungannya Dengan Minangkabau. Bukit Tinggi: Pustaka Saadijah.
- 42) Mohd. Taib Osman, 1974. Kesusasteraan Melayu Lama. Kuala Lumpur: Federal Publication.
- 43) Mohd Taib Osman, 1975. Tradisi Lisan Di Malaysia. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia.
- 44) Mohd Yusuf Md. Nor, 1985. Puisi Melayu Tradisi. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- 45) Mokhtar Haji Md. Dom, 1977. Adat Perpatih dan Adat-Istiadat Masyarakat Malaysia. Kuala Lumpur: Federal Publications.
- 46) Muhamad Din Ali, 1957. Penatah Adat Melayu. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- 47) Muhammad Haji Salleh, 1984. Pengalaman Puisi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 48) Omardin Haji Ashaari, 1961. Kajian Pantun Melayu. Singapura: Malayan Publishing House Limited.
- 49) Osman Ishak, 1982. Hubungan Antara Undang-Undang Islam Dengan Undang-Undang Adat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 50) Nordin Selat, 1975. "Pengumpulan dan Pengkajian Terhadap Perbilangan Adat Perpatih: Tinjauan Terhadap Yang Sudah Dilakukan dan Cadangan-Cadangan Untuk Masa Depan" dalam Tradisi Lisan Di Malaysia. diedit oleh Mohd Taib Osman.
- 51) Nordin Selat, 1976. Sistem Sosial Adat Perpatih. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors Sdn. Bhd.

- 52) Puan Husayn dan Suhaimi Haji Muhammad, 1981. Embun Pagi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 53) Rahman Shaari, 1981. Bimbingan Istilah Sastera. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors Sdn. Bhd.
- 54) Rahman Shaari, 1981. Di Sekitar Sastera dan Kritikan. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors Sdn. Bhd.
- 55) Rahim Syam Norhale, 1985. Mendekati Kebudayaan Melayu. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- 56) Rosmera, 1965. Kaji dan Sari. Singapura: Malaysia Publications Limited.
- 57) Sabarudin Ahmad, 1954. Warnasari Prosa dan Puisi Indonesia. Medan: Pustaka Indonesia.
- 58) Satyagraha Hoerip, 1982. Sejumlah Masalah Sastera. Jakarta: Penerbitan Sinar Harapan.
- 59) Scotts, A.F. 1967. Currents Literary Terms. London: Macmillan.
- 60) Shahnnon Ahmad, 1978. Penglibatan Dalam Puisi. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors Sdn. Bhd.
- 61) Senarai Istilah Kesusasteraan. 1980. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 62) Slametmuljana, 1966. Peristiwa Bahasa dan Sastera. Kuala Lumpur: Oxford Universiti Press.
- 63) Surojo Wignjodipuro, S.H., 1982. Pengantar dan Asas-Asas Hukum Adat. Jakarta: Gunung Agung.
- 64) Sutan Takdir Alisjahbana, 1971. Puisi Lama. Petaling Jaya: Zaman Baru Sdn. Bhd.
- 65) Teuku Iskandar, 1984. Kamus Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 66) Tajul Kelantan, 1958. Perincis Pantun. Pulau Pinang: Sinaran Bersaudara.
- 67) Thrall, William Flint and Addison Hibbard, 1960. A Handbook to Literature. New York: The Odyssey Press.
- 68) Umar Junus, 1978. "Perulangan Dalam Puisi Melayu Modern" Dalam Bingkisan Kenangan Untuk Pendita. Disusun oleh Mohd Taib Osman dan Hamdan Hassan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- 69) Usman Awang, 1964. Gelombang. Kuala Lumpur: Oxford Universiti Press.
- 70) Zainal Abidin Ahmad (ZAABA), 1962. Pelita Bahasa Melayu: Penggal 111. Persekutuan Tanah Melayu: Pejabat Karang Mengarang, Jabatan Pelajaran.
- 71) Zainal Abidin Ahmad, 1965. Ilmu Mengarang Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 72) Zainal Abidin Bakar. 1983. Teknik Menulis Tesis. Kuala Lumpur: Eastview Productions Sdn. Bhd.
- 73) Zainal Abidin Bakar, 1983. Kumpulan Pantun Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 74) Zuber Usman, 1975. Kesusasteraan Lama Indonesia. Melaka: Penerbitan Abbas Bandung.

Majalah-Majalah.

- 1) A. Bakar Hamid, 1966. "Bahasa Dalam Puisi Melayu Modern", Dewan Bahasa, Jilid 10 Bil. 12 (Disember).
- 2) Abdul Kadir Yusuf, 1972. "Mengenal Adat Perpatih, Struktur dan Organisasinya", Dewan Masyarakat, Jilid 10 Bil.4 (April).
- 3) Abdul Ghani Shamaruddin, 1964. "Adat Perpatih Di Negeri Sembilan", Dewan Masyarakat, Jilid 2 Bil. 1 (Januari).
- 4) Abdul Ghani Shamaruddin, 1964. "Lain Padang Lain Belalang, Lain Lubuk Lain Ikan", Dewan Masyarakat, Jilid 2 Bil. 3 (Mac).
- 5) Ahmad Apandi Johan, 1970. "Adat Perpatih: Sedikit Tentang Wujudnya dari Segi Sejarah dan Strukturnya", Mastika, Bil. 1 (Januari).
- 6) Aishah Sharif, 1981. "Ciri-Ciri Menarik Bari Perbilangan Adat Perpatih", Warisan. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, Kel. 6.
- 7) Amin Sweeney, 1973. "Professional Malay Story-Telling", Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, Vol. 46, Part 11.
- 8) Baharudin Zainal, 1973. "Bahasa Sebagai Alat Pengucapan Dalam Kesusasteraan" Dewan Bahasa, Jilid 17 Bil. 6 (Jun).

- 9) Ibrahim Mustapa, 1981. "Sejarah Ringkas Kedatangan Orang-Orang Minangkabau dan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan", Warisan. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, kel. 6.
- 10) Ismail Ahmad, 1971. "Lambang Puisi", Dewan Sastera, Jilid 1 Bil. 10 (September).
- 11) Jamaludin Abdullah, 1959. "Kata-Kata Adat dan Perbilangannya", Mastika, Bil. 2 (Februari).
- 12) Sheehan, J.J. dan Abdul Aziz Khamis, 1936. "Adat Kuala Pilah", Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, Vol. XIV, Part 3.
- 13) Zainal Abdullah Mk. Othman, 1975. "Bahasa Dalam Jampi dan Mentera Melayu", Dewan Bahasa, Jilid 19 Bil. 8 (Ogos).
- 14) Zainal Abdullah Mk. Othman, 1975. "Jampi dan Mentera Sebagai Puisi Bebas Yang Pertama", Dewan Bahasa, Jilid 19 Bil. 11 (November).
- 15) Zaini Ozea, 1984. "Kajian Sastera Rakyat", Dewan Sastera, Jilid 14 Bil. 5 (Mei).
- 16) Zurina Hassan, 1972. "Bahasa Penyair Dalam Puisinya", Dewan Sastera, Jilid 2 Bil. 2 (Februari).

Kertaskerja Seminar.

- 1) Abbas Haji Ali, 1974. "Sebahagian Dari Dasar Adat", dalam kumpulan kertaskerja seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, terbitan (stensil) Majlis Belia Negeri Sembilan.
- 2) Abdullah Hassan, Baharudin Ahmad, Ismail Abdullah dan Supardy Muradi, 1985. "Keragaman dan Kesatuan Bahasa Melayu", kertaskerja Hari Sastera. Di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- 3) Abdullah Siddik, 1974. "Adat dan Modernisasi", dalam kumpulan kertaskerja seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, terbitan (stensil) Majlis Belia Negeri Sembilan.
- 4) Abdul Samad Idris, 1974. "Kemurnian Dalam Adat Perpatih", dalam kumpulan kertaskerja seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, terbitan (stensil) Majlis Belia Negeri Sembilan.
- 5) Abdul Samad Idris, 1984. "Secebis Mengenai Adat Perpatih, Nilai dan Falsafahnya", dalam seminar kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Di Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor.

- 6) A. Rahman Razak dan Sariah Meon, 1984. "Permodenan Pertanian Di Dalam Masyarakat Adat di Negeri Sembilan", dalam Seminar kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Di Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor.
- 7) Azizah Kassim, 1974. "Kedudukan Wanita Dalam Masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan," dalam kumpulan kertaskerja seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, terbitan (stensil) Majlis Belia Negeri Sembilan.
- 8) Hasyim A. Ghani, 1974. "Kata-Kata Perbilangan dan Tafsirannya", dalam kumpulan kertaskerja seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, terbitan (stensil) Majlis Belia Negeri Sembilan.
- 9) Idris Haji Tain, 1974. "Beberapa Konsep Penting Dalam Sistem Adat Perpatih Negeri Sembilan", dalam kumpulan kertaskerja seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, terbitan (stensil) Majlis Belia Negeri Sembilan.
- 10) Kamaruzzaman Kadir (Dharmawijaya) 1984. "Perbilangan Adat Perpatih: Ditinjau dari segi Keindahan Bahasanya", dalam seminar kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Di Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor.
- 11) Khoo Kay Kim, 1974. "Sistem Politik Negeri Sembilan", dalam kumpulan kertaskerja seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, terbitan (stensil) Majlis Belia Negeri Sembilan.
- 12) Khoo Kay Kim, 1984. "Adat dan Perkembangan Politik: Pembangunan Masyarakat Negeri Sembilan", dalam seminar kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Di Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor.
- 13) Md. Sharif Fakhir Hassan, 1974. "Sejarah Kedatangan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan dan Kaitannya di Minangkabau", dalam kumpulan kertaskerja seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, terbitan (stensil) Majlis Belia Negeri Sembilan.
- 14) Mohd Dahlan Mansoor, 1974. "Minangkabau dan Negeri Sembilan, Tinjauan Kaitan Sejarah dan Kebudayaan", dalam kumpulan kertaskerja seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, terbitan (stensil) Majlis Belia Negeri Sembilan.
- 15) Mohd Yusuf Md. Nor, 1984. "Perlambangan Dalam Perbilangan Adat Perpatih: Satu Pandangan Umum", dalam seminar kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Di Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor.

- 16) Nordin Selat, 1974. "Pemimpin Dalam Adat Perpatih", dalam kumpulan kertaskerja seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, terbitan (stensil) Majlis Belia Negeri Sembilan.
- 17) Rais Yatim, 1974. "Undang-Undang Adat Perpatih", dalam kumpulan kertaskerja seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, terbitan (stensil) Majlis Belia Negeri Sembilan.
- 18) Shamsul Amri bin Baharudin, 1974. "Politik Adat Perpatih", dalam kumpulan kertaskerja seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, terbitan (stensil) Majlis Belia Negeri Sembilan.
- 19) Yeop Johari Yaakob, 1984. "Dialek Negeri Sembilan: Satu Lambang Ciri Budaya Negeri Sembilan", dalam seminar kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Di Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor.
- 20) Zainal Kling, 1984. "Prinsip Adat dan Pembangunan Masyarakat", dalam seminar kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Di Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor.

Latihan Ilmiah.

- 1) Fatimah Busu, 1974/75. Simbol Dalam Puisi Kassim Ahmad. Latihan Ilmiah Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- 2) Wan Yusoff bin Awang Sewan, 1981/82. Gyair Cermin Islam: Satu Kajian Struktur. Latihan Ilmiah Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- 3) Yusuf Abdullah, 1983/84. Main Peteri: Dokumentasi Teks dan Teknik Penyampaian. Latihan Ilmiah Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Potongan Akhbar.

- 1) Mustika HS, "Adat Perpatih Sungai Ujung" Berita Harian, 7 Januari 1986.
- 2) Nordin Selat, "Konsep Kepemimpinan Dalam Masyarakat Melayu", Berita Harian, 3 April 1985.